

**Jilid V
No. 34**



**Hari Juma'at
31hb Januari, 1969**

PERBAHATHAN PARLIMEN

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KELIMA

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
5085]**

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1969—

Jawatan-kuasa Perbekalan—

Kepala B. 60 [Ruangan 5098]

Kepala B. 68 [Ruangan 5127]

Kepala² B. 69 sa-hingga B. 72 [Ruangan 5134]

PENANGGOHAN (USUL) [Ruangan 5174]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KELIMA

Penyata Rasmi

Hari Juma'at, 31hb Januari, 1969

Persidangan bermula pada pukul 9.30 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ DATO' SYED ESA BIN ALWEE, D.P.M.J., J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- Yang Berhormat TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).

Yang Berhormat TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.
(Sarawak).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K.,
P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).

„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).

„ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

„ TUAN SULAIMAN BIN ALI (Dungun).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

„ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).

„ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).

„ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIADA HADHIR :

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

- .. TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- .. DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- .. TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- .. DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).
- .. DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- .. ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- .. TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

- .. TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- .. TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- .. DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- .. TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- .. TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- .. PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- .. TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- .. TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- .. TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- .. TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- .. TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi Meshuarat*)

ia akan di-serahkan kepada pehak berkuasa Taman Haiwan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Di-tanggohkan dahulu soalan ini.

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTAYAAN²

RANCHANGAN L.K.T.P. TIGA SEGI JENGKA DI-RASOK OLEH MAKHLUK GANJIL

1. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar peneroka² Ranchangan L.K.T.P. Tiga Segi Jengka di-rasok oleh sa-jenis makhlok ganjil, dan jika sedar, apa-kah tindakan yang sedang di-usahakan oleh Kementerian-nya untuk menangkap makhlok itu dan sa-telah berjaya menangkap-nya ada-kah

PEROMPAKAN BESAR DI-MALAYSIA BARAT—BANTUAN DARI POLIS SINGAPURA DAN POLIS ANTARA BANGSA UNTUK MENANGKAP PEROMPAK²

2. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada dia boleh mengesahkan bahawa perompakan yang terbesar sa-kali di-negeri ini telah di-arahkan oleh sa-buah badan perompak antara bangsa yang terator saperti rompakan wang sa-banyak \$452,000 di-Pejabat Perbendaharaan Johor oleh sa-kumpulan perompak² dari Singapura

yang telah pun lari ka-Hong Kong sa-tengah²-nya, dan sekira-nya benar, apa-kah bantuan² dan mekudahan² yang boleh di-dapati dari Polis Singapura dan Polis Antara bangsa (Interpol) bagi mengesan dan menangkap perompak² ini.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, jawab-nya ia-lah tiada asas yang menunjokkan sa-suatu kumpulan perompak antara bangsa telah terlibat bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya kaitkan dalam masaalah perompak bagaimana dalam soalan saya ini, ada-kah Kerajaan sedar bahawa perompak² itu bagi menyingkat dan melichinkan kerja-nya ada menggunakan satu ilmu, ilmu pakau.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada keterangan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam rompakkan yang saya bangkitkan ini ada menggunakan pistol, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa kemasokan pistol itu banyak datang daripada Siam melalui keretapi, entahkan di-bawa oleh pekerja² keretapi—ada-kah Kementerian ini telah berhubung dengan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dalam masaalah ini.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, kakitangan keretapi ini boleh jadi pula menjadi tuduhan yang tidak berasas. Kalau ada keterangan, report pada Polis; kalau tidak ada, tidak usah-lah berchakap fasal kakitangan keretapi.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sebab saya berchakap saya ada keterangan, saya akan beri kapada Yang Berhormat itu, pekerja² keretapi yang membawa pistol daripada Siam.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai Menteri yang bertanggung-jawab atas keretapi,

saya tidak ada keterangan. Kalau ada, tolong-lah report kapada Polis kerana perkara ini akan di-siasat.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berchadang hendak mengambil Ahli Yang Berhormat dari Johor ini sa-bagai penasehat rompak² dalam Kementerian ini.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh. Kalau Kementerian ini hendak mengambil penasehat, lebeh baik ambil Ahli Yang Berhormat dari Lipis itu—dia ada pengalaman sebab dia dudok di-Pahang!

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah hangat nampak-nya (*Ketawa*).

MENGHANTARKAN PERWAKILAN PERTUBOHAN SENI NEGARA KA-HONOLULU DAN TOKYO

3. Tuan Ahmad bin Arshad minta kapada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menyatakan (a) ada-kah benar Kerajaan telah menghantar satu perwakilan Pertubohan Seni Negara (PESENI) ka-Honolulu dan Tokyo; (b) siapa yang telah menjemput mereka; (c) berapa bilangan perwakilan² yang di-hantar; (d) apa-kah achara² yang akan di-persembahkan di-sana; dan sekira-nya tidak benar, beri sebab²-nya.

Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak pernah dan tidak berchadang hendak menghantar apa² perwakilan ka-Honolulu dan Tokyo. Sa-tahu Kementerian saya, Pertubohan Seni Negara (PESENI) pernah di-hubongi oleh sa-orang yang di-katakan wakil dari Honolulu berkenaan lawatan ka-Honolulu dan Tokyo tetapi sa-telah di-siasat telah di-dapati jemputan itu chuma sa-chara tidak rasmi dan wakil itu tidak mempunyai kuasa yang tertentu untuk membuat jemputan itu bagi pehak penaja-nya di-Honolulu. Akhir-nya perkara itu lenyap begitu sahaja dan wakil

tersebut pun tidak pernah berhubung dengan pehak PESENI tersebut.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai menjaga pertubuhan seni negara kita, ada-kah Kementerian ini di-masa akan datang berhemat² pada menerima jemputan² daripada sa-barang negeri kalau tidak, kita akan kena bagaimana apa yang telah terjadi dalam rombongan ini.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan tidak pernah menerima jemputan dan sebab itu tidak terkena dan pada fahaman saya pehak PESENI pun tidak terkena lagi.

KUTIPAN SEWA DARIPADA PENGHUNIP EMPORIUM PENJAJA, JALAN SEKOLAH, KUALA LUMPUR

4. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan ada-kah dia sedar bahawa sewa telah di-kutip daripada penghuni² Emporium Penjaja, Jalan Sekolah, Kuala Lumpur bagi bulan Jun, Julai dan Ogos tahun 1968 sunggoh pun bangunan itu hanya boleh didudoki dalam bulan September, 1968. Jika sedar, kenapa.

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, Pasarama Penjaja di-Jalan Sekolah itu telah siap untuk di-dudoki pada 22hb Mei, 1968, dan bukan-lah pada bulan September, 1968 sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu. Kumpulan pertama penjaja² terdiri dari penjaja² yang berlesen di-sekitar bandar telah di-kehendaki berpindah ka-pasarama itu pada 1hb Julai, 1968 sa-lepas suatu chabutan undi yang di-adakan pada 14hb Jun, 1968. Oleh kerana gerai² itu telah pun siap dan telah pun juga di-untukkan kepada mereka mula² daripada 1hb Julai, 1968 maka sudah-lah sa-mesti-nya sewa gerai itu di-kutip daripada mereka yang berkenaan daripada tarikh itu. Tidak-lah benar yang sewa itu telah di-kutip daripada mereka daripada bulan Jun, 1968 sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam pertanyaan tersebut.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Walau pun Pasarama itu di-siapkan pada 1hb Julai yang di-katakan oleh Setia-usaha Parlimen, ada-kah beliau sedar penjaja² memasoki Pasarama tersebut pada bulan September dan oleh sebab itu mengapa-kah Pesuruhjaya Ibu Kota mengutip sewa mula² 1hb Julai yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, ada atau tidak sa-bahagian penjaja² masok ka-Pasarama itu pada bulan September itu tergantung atas penjaja² itu. Ibu Kota Pesuruhjaya telah memberi keterangan saperti saya jawab tadi, Ibu Kota Pesuruhjaya telah mendapat keputusan berkenaan stall² ini pada 14hb Jun, 1968 dan beliau telah di-beritahu berkenaan keputusan ini dan kutipan sewa mula² daripada 1hb Julai, 1968.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Setia-usaha Parlimen telah berkata ada penjaja² mengambil atau menggunakan stall² pada haribulan September, boleh-kah Pesuruhjaya Ibu Kota sekarang menimbangkan perkara ini sa-mula lagi supaya tidak payahlah mengutip sewa pada penjaja² yang mengambil atau menggunakan stall pada bulan September?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak boleh. Soalan ini senang, mithal-nya, jikalau saya bersetuju sewa rumah Ahli Yang Berhormat dari Batu mula² 1hb Julai, saya sudah bersetuju dan Ahli Yang Berhormat dari Batu telah serah rumah itu kepada saya, tetapi saya tidak masuk rumah hingga sampai September, jadi saya kata saya tidak hendak bayar sewa bulan Julai atau Ogos, itu tidak patut-lah. Jadi tidak patut Pesuruhjaya Ibu Kota timbangkan permintaan ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, walau pun saya tidak ada rumah untuk di-sewakan kepada Yang Berhormat itu, beliau hendak memberi chontoh tentang saya. Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Setia-usaha Parlimen sedar di-antara sebab² penjaja² menggunakan atau mengambil stall pada bulan September ia-lah barangkali stall tersebut belum

di-siapkan kelengkapan-nya pada 1hb Julai dan mereka terpaksa memasoki atau menggunakan stall pada bulan September?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak benar dan saya tidak sedar ada penaja Pasarama itu belum di-siapkan pada 1hb Julai yang tersebut.

BORANG² PENGURANGAN YURAN SEKOLAH

5. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah dia sedar bahawa borang² bagi memohon pengurangan yuran sekolah harus diluluskan oleh sa-orang magisteret, pegawai daerah atau pegawai bahagian satu, telah menyebabkan kesusahan yang amat sangat kepada mereka yang berkenaan. Jika sedar, ada-kah dia akan menimbang meminda syarat ini.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, borang² untuk Pengurangan Yuran Sekolah berkehendakkan permohonan² itu di-sokong dan tidak-lah benar ha-nya pegawai² yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sahaja yang boleh memberi sokongan itu. Yang sa-benar-nya sokongan itu boleh juga di-beri oleh sa-orang Ahli Parlimen atau Dewan Negeri, sa-orang J.P., Penolong Pengelola Sekolah, sa-orang Penggawa atau sa-orang Penghulu. Oleh hal yang demikian, saya tidak fikir bahawa syarat itu telah menimbulkan kesulitan dan oleh itu pindaan ka-atas-nya tidak-lah di-perlukan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika pemohon² borang-nya tidak payah di-tandatangani oleh Magisteret atau Pegawai Daerah atau Pegawai Division I, ada-kah Menteri Muda Pelajaran sedar pemohon² tentang Biasiswa Kechil di-kehendaki di-tandatangani oleh ketiga² Pegawai tersebut. Jikalau Menteri Muda sedar, boleh-kah beliau atau Kementerian Pelajaran buat syarat yang lain, oleh sebab saya boleh beritahu kepada Dewan ini pemohon² untuk biasiswa kechil, bagaimana-kah mereka, penuntut² yang umur-nya barangkali 13 atau 14 tahun menchari

Pegawai Daerah atau Magisteret atau Pegawai Bahagian I?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ia-lah soalan yang lain, Ahli Yang Berhormat itu sa-betul-nya bertanya kepada saya untuk Pengurangan Yuran Sekolah, akan tetapi soalan ini sudah di-tambah sekarang, ia-itu Biasiswa Kechil. Memang betul Biasiswa Kechil itu mesti mendapat sokongan daripada Pegawai Daerah atau daripada Pegawai² yang berkenaan oleh sebab-nya ada-lah orang kita ada-lah orang yang kaya, sunggoh pun kaya, tetapi dia meminta kepada Kementerian saya untuk membantu biasiswa, oleh sebab itu-lah kita mesti siasat dengan teliti, baru-lah boleh di-berikan bantuan biasiswa itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri Muda Pelajaran sedar, ibu-bapa pemohon² Biasiswa Kechil, mereka langsung tidak kenal sa-orang Magisteret atau sa-orang Pegawai Daerah atau sa-orang Pegawai Bahagian I dan jika mereka tidak kenal ketiga² Pegawai tersebut, bagaimana-kah mereka boleh menchari Pegawai² tersebut supaya Pegawai tersebut boleh menyokong pemohon itu?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, masa sekarang Pegawai² Daerah telah di-kenali oleh orang ramai di-satu² kawasan seperti satu kawasan yang besar atau kechil. Jadi, jikalau Yang Berhormat itu mengatakan orang biasa ini tidak kenal Pegawai Daerah, saya tidak perchaya, saya tidak perchaya langsung, oleh sebab-nya Pegawai² Daerah sekarang selalu melawat ka-kampong² dengan menjumpai orang ramai dan Ketua Kampong, memberi keterangan dasar² Kerajaan. Bagitu-lah permintaan itu boleh dia jumpa dengan Pegawai Daerah untuk di-berikan sokongan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Muda Pelajaran sedar, jangan-lah pergi tempat yang jauh, di-depan gudang ubat saya ia-lah Kampong Semarang dan penduduk² di-sana langsung tidak kenal atau tidak

menengok sa-orang Pegawai Daerah walau pun dari Kuala Lumpur atau pun tempat lain, bagitu juga mereka tidak kenal sa-orang Magistrate atau sa-orang Pegawai Bahagian I? Oleh sebab itu mereka susah mencari pegawai² tersebut untuk menyokong permintaan mereka.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat itu tidak mengambil tugas yang betul, jika dia sa-bagai sa-orang Ahli Parlimen mengambil tugas yang betul untuk menolong orang ramai ia-lah dia sa-bagai Ahli Parlimen memang-lah membawa orang itu berjumpa Magistrate² atau Pegawai Daerah sendiri baharu-lah boleh di-dapatkan pertolongan perkara itu (*Tepok*).

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, beliau berkata saya tidak bertugas betul tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Muda Pelajaran sedar di-borang itu menyatakan permintaan, permohonan ini di-sokong. Kalau pegawai² Daerah atau Magistrate atau pun Pegawai Bahagian I tidak kenal itu ibu bapa murid itu dan saya bawa mereka pergi berjumpa pegawai tersebut bagaimana-kah mereka boleh menyokong permohonan itu?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, satu² permohonan itu akan mendapat siasatan sa-lepas penyiasatan baharu-lah boleh di-timbangkan oleh Kerajaan. Jika Ahli Yang Berhormat itu menolong orang ramai, saya menasehatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu, serahkan surat itu kepada Pegawai² dan juga jika mahu boleh-lah datang berjumpa dengan saya di-Kementerian saya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah Kerajaan atau Kementerian Pelajaran tidak boleh membuat siasatan itu oleh guru besar atau oleh Pegawai² Kebajikan 'Am di-negeri masing²?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, membuat satu siasatan itu bukan-nya senang kerana akan mengambil sedikit masa, akan tetapi saya

boleh beri jaminan kepada Ahli Yang Berhormat atau Dewan ini jika permintaan itu perlu di-beri biasiswa kechil, Kementerian saya akan meluluskan-nya.

LANGKAH² MENGELAKKAN BANJIR DI-JALAN BUNGARS

6. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan ada-kah beliau sedar bahawa Jalan Bungsar di-Kuala Lumpur telah di-chap sa-bagai Sungai Bungsar. Jika sedar, boleh-kah Menteri itu memberi butir² berkenaan dengan langkah² yang telah di-jalankan oleh Kementerian-nya untuk menghalang banjir² yang sentiasa berlaku di-situ.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar tentang berlaku-nya banjir yang burok di-Jalan Bungsar pada 13hb Januari, 1969 dan akibat² kejadian itu telah tersiar berita dalam akhbar *Malay Mail* pada 14hb Januari, 1969, yang menyebut jalan ini sebagai Sungai Bungsar. Kejadian banjir di-Jalan Bungsar berdekatan dengan Jalan Ma'aruf telah di-alami beberapa tahun yang dahulu tetapi banjir yang berlaku pada 13hb Januari, 1969 ia-lah di-sebabkan hujan lebat yang luar biasa berlaku di-sebelah petang pada hari itu. Sebagaimana yang telah di-nyatakan dalam sidang Dewan Ra'ayat dalam bulan Jun, 1968 dahulu sebagai menjawab soalan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar, pehak Pesuruhjaya Ibu Kota telah menyediakan satu ranchangan untuk mengawasi kebanjiran dalam kawasan tersebut tetapi pelaksanaan ranchangan ini terpaksa-lah menunggu sa-hingga diperolehi peruntukan wang. Anggaran belanja untuk menyelenggarakan ranchangan ini ada-lah berjumlah \$1,200,000 dan dengan sukachita-nya saya nyatakan di-sini ia-itu tawaran untuk menjalankan kerja ini termasuk kerja melebarkan Sungai Puteh dan membuat pembetong sebahagian anak sungai itu telah pun di-berikan pada 17hb Januari, 1969 dan kerja² ini ada-lah di-jangka akan bermula pada awal bulan Februari dan akan siap sa-belum akhir tahun ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Setia-usaha Parlimen berkata banjir² di-Jalan Bungsar atau di-katakan Sungai Bungsar oleh surat khabar Malay Mail telah berlaku bukan pada 13hb Januari tahun ini, tetapi Yang Berhormat itu sendiri berkata di-alami beberapa tahun dahulu, dan ada-kah beliau sedar oleh sebab banjir² berlaku beberapa tahun yang lalu, mengapa-kah sampai sekarang sahaja Pesurohjaya Ibu Kota akan mengambil tindakan yang sesuai?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, Pesurohjaya Ibu Kota terpaksa atorkan ranchangan² yang diadakan dalam Pesurohjaya Ibu Kota ini dan mengikut priority tiap² ranchangan di-jalankan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Setia-usaha Parlimen sedar walau pun beliau berkata mengikut priority pada pendapat beliau oleh sebab Pesurohjaya telah mengambil begitu lama masa priority itu tentang banjir² di-Jalan Bungsar sangat rendah?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi banjir di-Jalan Bungsar yang tersebut pada 13hb Januari, 1969 itu ia-lah oleh sebab hujan lebat yang luar biasa dan ini tidak berlaku selalu dan oleh sebab itu ada lain ranchangan² yang lagi mustahak terpaksa-lah Pesurohjaya Ibu Kota jalankan ranchangan² itu dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ulang balek soalan yang pertama.

MAKHLOK GANJIL DI-JENGKA TIGA SEGI

1. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar peneroka² Ranchangan L.K.T.P. Tiga-segi Jengka di-rasok oleh sa-jenis makhlok ganjil, dan jika benar, apakah tindakan yang sedang di-usahakan oleh Kementerian-nya untuk menangkap makhlok itu dan sa-telah berjaya menangkap-nya ada-kah ia akan diserahkan kepada pehak berkuasa Taman Haiwan Negara.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tun Haji Abdul Razak): Saya minta ma'af kerana saya tidak di-beri tahu yang saya di-kehendaki menjawab soalan ini. Jawab-nya ia-lah tidak benar. Tidak ada makhlok ganjil yang dudok di-negeri Pahang.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bersabit-nya soalan yang saya kemukakan ini bahawa satu berita yang mengatakan ada makhlok ganjil yang mengachau kawasan Lembaga Kemajuan Tanah ini. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah menganjorkan pada Pasokan Mergastua negeri ini bagi mengesan makhlok ganjil itu.

Tuan Yang di-Pertua: Terlebih dahulu saya suka bertanya makhlok ganjil itu apa ma'ana-nya (*Ketawa*).

Tuan Ahmad bin Arshad: Menurut apa yang saya fahamkan, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu jenis gergasi atau orang hutan.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat tahu per-khabaran ini—tidak benar.

Tan Sri Nik Ahmad Kamil: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat Menteri sa-kira-nya khabar ini betul, boleh-kah jadi agak-nya makhlok yang ganjil ini menjadi peliharaan pada mana² satu Parti Politik Pembangkang (*Ketawa*) yang dihantar masuk kepada kawasan itu dengan jalan menakuti dan mengusek peneroka² dengan harapan ranchangan FLDA di-situ akan jadi gagai, sebagaimana saya faham dahulu di-negeri Kelantan ada satu makhlok ganjil yang di-namakan Awang Boncheh (*Ketawa*) yang selalu mengusek orang² di-sana.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini harus boleh jadi (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ada-kah Yang Berhormat Menteri

sedar bahawa di-negeri Pahang ada satu makhlok yang di-kata orang Batek yang menjadi pengachau kepada peneroka² tanah bukan sahaja di-negeri Pahang tetapi sampai kepada negeri Kelantan dan ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa makhlok² ganjil atau Orang Batek ini pun walau pun tidak tahu membacha dia tidak berapa setuju dengan FLDA ini (*Ketawa*).

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya Orang Batek atau pun orang ganjil ini hanya-lah ada di-dalam negeri Kelantan tidak ada di-dalam negeri² lain (*Ketawa*).

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, dalam masaalah ini bagaimana samalam Pemangku Menteri Tanah dan Galian telah mengatakan bahawa sa-orang pakar daripada Canada akan datang ka-tempat ini untuk menjalankan penyelidikan berhubung dengan binatang² liar dalam negeri ini. Adakah Yang Berhormat Menteri dapat memberi jaminan dalam Dewan ini bahawa makhlok ganjil ini juga akan di-siasat sebab puncha-nya, Tuan Yang di-Pertua, makhlok ganjil ini asal-nya daripada Wanita Eropah yang suami-nya di-makan oleh berok besar. Jadi wanita ini di-larikan oleh makhlok ganjil ini dengan sebab perchamporan ini-lah maka jadi makhlok ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak ada faedah hendak di-siasat sebab benda ini tidak ada sa-benar-nya.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

Jawatan-kuasa Perbekalan

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan atas Masaalah Kepala 60 menjadi sa-bahagian daripada Jadual (30hb Januari, 1969)—(Hari Yang Kesebelas).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa—Perbekalan*).

JADUAL

Kepala B. 60—

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, menyambong ucapan saya sa-malam saya sampai kepada B. 60, Butiran 28 dan 29 Muka Surat 546 Command Paper No. 3.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kita meminta \$20 sahaja Token ia-itu untuk Kepala 28 \$10 dan Kepala 29 \$10, saya sangsi apa-kah jawatan² ini perlu di-penohkan dengan keadaan yang ada sekarang dalam Majlis Amanah Ra'ayat ini. Saya hendak menyampaikan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan wang \$60,000 yang di-kutip daripada derma persahabatan Algeria dan Malaysia dan wang ini telah pun di-hadiahkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Ghafar bin Baba, Menteri Tanpa Berjabatan kepada MARA pada hal wang ini ia-lah wang perjuangan kemerdekaan Algeria. Jikalau pun hendak di-berikan kepada MARA, atau mana² satu yayasan patut-lah benda itu di-beri tahu kepada orang ramai dahulu tidak di-masokkan begitu sahaja.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya juga hendak memberi tahu kepada Yang Berhormat Menteri ini supaya dapat pertimbangan bahawa MARA, Majlis Amanah Ra'ayat ini telah memberi hutang berjumlah sekarang ini lebih kurang \$15 million dengan mengenakan interest di-antara 6% dengan 7% yang erti-nya kalau angka ini tepat atau pun hampir² tepat bererti bunga sahaja 1 million bagaimana-lah bumiputera ini dapat menjalankan usaha² mereka kalau sa-kiranya interest itu terlampau tinggi sebab kita tahu kebanyakan hutang ini semua-lah permulaan² kerja sahaja boleh di-katakan betul² hutang for consumption walau pun mereka itu membuat perniagaan.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Pembangunan Masha-rakat dan Pelajaran Dewasa. Tuan

Pengerusi, mengikut peruntukan ini kalau di-bahagikan kepada Program Activities kira² \$7 million di-untukkan kepada kelas² dewasa dan pembangunan kampung. Kelas dewasa ini, Tuan Pengerusi, sedikit sahaja saya hendak berchakap ia-itu guru² dewasa terlampau banyak di-negara kita ini dan perbelanjaan-nya pun terlalu banyak sedangkan faedah-nya, bukan tidak ada faedah, tetapi kurang daripada wang yang kita belanjakan. Ini saya rasa Yang Berhormat Menteri tentu bersetuju bahawa di-Kelantan sahaja ada 1,190 guru dewasa, penyelia-nya 52 orang. Guru apa sampai 1,190 sedang kejayaan-nya kalau kita tengok di-negeri lain lebih banyak kelas-nya dan lebih banyak product-nya daripada apa yang di-lakukan oleh negeri Kelantan itu.

Yang keempat, Tuan Pengerusi, saya terpaksa mengadu kepada Menteri ini ia-itu yang sa-benar-nya tidak ada kerjasama atau pun tidak ada langsung chara² dapat di-adakan kerjasama di-seluruh negeri Kelantan berkenaan dengan kelas dewasa. Saya beberapa kali memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri ini bahawa saya sendiri pun bersedia untuk bekerjasama tetapi tidak ada jalan oleh kerana jawatan² itu di-pegang oleh kesemua-nya orang² kuat UMNO.

Akhir-nya, saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri ini sa-benar-nya kalau bagi negeri Kelantan perbelanjaan kelas dewasa ini merugikan wang negara dan menjatuhkan nama Tun Haji Abdul Razak sendiri sebab orang itu tidak begitu bekerja dengan betul-nya dan saya percaya Menteri kita ini dia berharap kepada guru² kelas dewasa ini dan guru² kelas dewasa ini pula membawa berbagai² berita kepada Tun sa-hingga Yang Berhormat Menteri kita ini memegang jawatan² Politik bermacam² di-Kelantan itu dan kesemua-nya ini di-mainkan oleh guru kelas² dewasa ini.

Tuan Pengerusi, saya insaf dan saya sedar bahawa Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang merangkap juga Timbalan Perdana Menteri tentu-lah banyak kerja

dan saya rasa kebanyakan Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak ada sa-orang pun yang mahu menjadi Tun Haji Abdul Razak dalam Dewan ini sebab hidup pun nampak-nya tidak ada erti—susah hari² memikir, kedut sahaja muka, umur muda lagi sudah jadi tua.

Tuan Pengerusi: Di-mana ada perkara itu dalam perbahathan ini. (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, dalam kelas dewasa ini, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sebut ia-lah menambahkan lagi beban sa-orang Menteri kita dengan kelas dewasa ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang di-kenal dengan F.L.D.A., saya hendak mengemukakan lagi ia-itu banyak pegawai² di-dalam F.L.D.A. ini yang tidak menjalankan tugas-nya dengan betul dan kalau kita membuat tuduhan tentu-lah kita kena membuat bukti² atau pun substantiate perkara itu baharu-lah dapat di-perchayaī, tetapi memadaī-lah dengan beberapa kes yang telah di-hadapkan kepada Mahkamah yang sa-tengah-nya itu telah di-jatuhkan hukuman dan sa-tengah-nya itu maseh di-dalam menunggu hukuman yang kita tidak boleh sebut sebab perkara itu *subjudice* tetapi ini sudah berlaku yang akan merosakkan-nya ia-lah usaha ini sendiri. Jadi, saya minta-lah token² yang ada \$30 ini di-hati²kan untuk di-belanja kepada pegawai² yang akan kita ambil. Tuan Pengerusi, yang saya mengambil berat sangat perkara ini oleh kerana F.L.D.A. ini satu perkara yang baharu bagi masyarakat kita dan satu perkara kemajuan, lain daripada department biasa. Department biasa kalau satu orang itu salah di-bawa ka-Mahkamah dia tidak memberi effect kepada orang lain, tetapi kalau Jabatan Kemajuan Tanah Persekutuan kalau satu membuat kesalahan maka tentu-lah kesan²-nya itu boleh membawa kepada berbagai² lagi.

Dan akhir sa-kali—2 minit, Tuan Pengerusi, community hall atau pun balai raya. Tiap² bulan, tiap² tahun,

bermacam² pegawai termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri mithal-nya—ada pada saya kenyataan ini tidak payah saya sebutkan—ia-itu orang ini mengadu mengatakan balai raya; tidak di-pakai ia-itu, kambing² sahaja dudok serta penoh di-situ. Jadi ini pun, Tuan Pengerusi, kalau-lah kita menggunakan wang ini untuk maksud yang lain atau pun community hall itu di-jadikan untuk maksud yang lain yang tidak sa-bagai waktu ini, saya rasa akan lebih berguna lagi.

Itu-lah sahaja, Saya tutup ucapan saya dengan memberi terima kasih kepada Menteri ini yang telah melawat kawasan saya, mengganti saya, saya sakit dan beri duit kepada surau² dan nampak-nya dia pun sudah tidak per-chaya kepada guru² kelas dewasa dan senang-lah sadikit bahawa Tun sendiri tahu bahawa guru² kelas dewasa Kelantan itu memainkan nama Tun dan menjual nama-nya sendiri.

Tuan Haji Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, saya menyokong penoh atas peruntokan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan peruntokan Kementerian-nya.

Pertama sa-kali saya menyokong peruntokan ini bagaimana yang di-nyatakan oleh pehak Pembangkang baharu sa-bentar tadi supaya pelajaran dewasa ini di-kurangkan tetapi bagi saya, saya meminta supaya ranchangan pelajaran dewasa ini di-perhebatkan lagi terutama sa-kali di-negeri Kelantan supaya dengan ada-nya pelajaran dewasa ini sikap penduduk² atau pun ra'ayat di-negeri Kelantan itu dapat berubah.

Tuan Pengerusi, kita semua tentu-lah berasa bangga ia-itu dengan ada-nya pemerintahan Kerajaan Perikatan dan telah dapat memerintah di-dalam sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat lebih kurang 12 tahun, apa yang telah di-janjikan kepada ra'ayat sama-masa pilihan raya di-adakan, boleh di-katakan kesemua-nya Kerajaan kita telah dapat tunaikan terutama sa-kali dari segi pembangunan negara kita ini. Kita ra'ayat negeri ini tentu-lah berasa beruntung kerana apa sahaja yang di-pohon oleh ra'ayat dari segi pem-

angunan dari sa-masa ka-samasa itu dapat di-tunaikan oleh Kerajaan terutama sa-kali dalam bidang untuk meninggikan taraf hidup penduduk² di-dalam kawasan luar bandar. Kerajaan telah pun mengutamakan kehen-dak² ra'ayat dari segala bidang pembangunan ia-itu kalau dahulu ra'ayat tidak ada tanah Kerajaan sediakan tanah, kalau dahulu tidak ada jalan, Kerajaan sediakan jalan, dan berbagai² lagi pembangunan pendek kata apa sahaja yang di-pohon oleh ra'ayat telah dapat di-sempurnakan oleh Kerajaan. Tetapi apa yang patut kita kaji dan fikirkan sekarang ini bahawa segala projek² yang di-berikan oleh Kerajaan itu akan dapat menolong atau dapat menggalakkan mereka itu supaya dapat menambah sara hidup mereka sa-bagaimana yang di-kehen-daki oleh Kerajaan kita.

Kita semua tahu ra'ayat kita ini, terutama sa-kali orang² Melayu, adalah bekas dari orang² yang di-jajah beberapa lama dahulu, dan mereka sudah lama leka dengan dasar² penjajah yang sentiasa mengkongkong fikiran orang² kita itu. Sungguh pun Kerajaan pada hari ini telah berusaha bersungguh² menjalankan ranchangan luar bandar-nya dengan melalui projek² Gerakan Maju, Jaya Diri dan sa-bagai-nya, tetapi hasil dari gerakan ini nampak-nya, Tuan Pengerusi, tidak-lah menchukupi jika sikap ra'ayat kita yang telah di-asoh oleh penjajah beratus² tahun tidak dapat di-ubah. Jadi, apa yang patut Kerajaan mengambil perhatian ia-lah untuk merevolusi mentalkan ra'ayat supaya mereka akan dapat dengan sa-berapa segera mengubah sikap-nya hidup sa-bagai sa-orang ra'ayat yang bertanggung-jawab di-dalam sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat ini.

Sungguh pun, sa-bagaimana kita semua tahu, bahawa dengan usaha Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Penyiaran, kita telah pun memulakan ranchangan revolusi mental ini tetapi rasa saya gerakan ini hendak-lah di-ambil oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan serious-nya. Penerangan revolusi mental ini hendak-lah di-gerakkan dari segala segi baik

melalui sharahan², kursus², sharahan ugama, Radio dan Talivishen, kelas² dewasa di-sekolah², supaya dengan jalan demikian ra'ayat dengan sa-beberapa segera dapat mengubah sikap-nya dan segala ranchangan² Kerajaan tidaklah sia² sahaja dan mereka akan dapat menggunakan-nya dengan sa-penoh-nya terutama sa-kali meninggikan taraf hidup-nya sa-hari². Perubahan sikap ini bukan sahaja saya kehendaki ditujukan kapada menukar sikap tentang chara menukar sara hidup tetapi juga perubahan sikap kapada chintakan tanah ayer dan ta'at setia kapada negara kita sendiri.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Satu sahaja yang saya hendak minta kapada pentadbiran L.K.T.P. ini ia-lah berkenaan dengan satu contract yang telah dibuat dengan sharikat M.C.W.S. untuk membekalkan makanan kapada penduduk² ranchangan ini. Apa yang saya selalu dapat aduan² daripada peneroka² tanah ini ia-itu sharikat ini tidak dapat melayani sa-penoh-nya kehendak peneroka² ranchangan dengan menjual barang² dengan harga yang mahal dan kadang² tidak ada pun barang² yang di-jual kapada peneroka² ini—ini menjadikan kesusahan kapada penduduk² ranchangan itu. Ada kala-nya, Tuan Pengerusi, saya di-beritahu bahawa kedai sharikat ini mengeluarkan minyak kapak kemudian di-suroh peneroka² itu menjualkan-nya kapada tempat² yang lain dan daripada hasil jualan itu di-suroh-nya beli keperluan hidup-nya sa-hari². Jadi, untuk kesenangan peneroka² ini, Tuan Pengerusi, saya berharap-lah dengan serious-nya Kementerian ini mengambil perhatian supaya sharikat M.C.W.S. ini dihapuskan dan di-gantikan dengan sa-buah sharikat sa-bagaimana yang di-ranchangkan oleh pehak Kementerian kapada peneroka² itu—ia-itu menjalankan sharikat-nya sendiri. Terima kaseh.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya memberi sokongan yang penoh terhadap peruntukan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri

untuk perbelanjaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Dalam ucapan-nya pada hari semalam Yang Berhormat ada menyenot beberapa perkara berkenaan dengan tugas² yang telah di-jalankan oleh Kementerian ini. Saya mengambil bahagian dalam dua perkara sahaja, Tuan Pengerusi, yang pertama, berkenaan dengan hal Tabong Haji. Tabong Haji ini sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat, mendapat kejayaan² yang sangat maju yang telah di-jalankan dan telah dapat mengumpulkan wang sampai 11 million ringgit itu. Dalam urusan ini, Tuan Pengerusi, saya minta supaya dapat Tabong Haji ini menguruskan sa-lain untuk hendak mengumpulkan modal² bagi bakal² haji, juga mengambil alih pentadbiran bagaimana menguruskan perjalanan² bakal² haji ini daripada tanah ayer kita terus ka-Mekah sana. Umpamanya berkenaan dengan hal pembelian² tiket-nya, mengator Sheikh² Haji-nya di-Mekah dan mendapatkan Sheikh² Haji yang baik di-Mekah dan segala keselamatan², peratoran² yang baik di-Mekah sana. Jadi dengan chara ini, rasa saya, kebajikan yang telah di-jalankan akan bertambah baik lagi oleh Tabong Haji ini. Yang kedua, oleh sebab Tabong Haji ini mengumpulkan wang yang bagitu banyak, saya perchaya-lah Tabong Haji ini ada satu dasar-nya akan melaborkan modal-nya atau menyimpan wang ini dalam tempat yang boleh mendapat laba yang bagitu lebeh. Jadi, saya perchaya barangkali tentu-lah pegawai² yang bertanggung-jawab dapat berjalan dengan bagitu bebas dengan tidak tersekat fikiran mereka untuk meletakkan wang-nya dalam beberapa sharikat² untuk mendapatkan keuntongan yang lebeh. Jadi, saya rasa dengan chara ini wang² yang tersimpan bagitu banyak akan mendapat lebeh faedah yang besar kapada penyimpan² di-dalam Tabong Haji ini.

Yang kedua, berkenaan dengan hal Ranchangan Tanah Persekutuan (F.L.D.A.) yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Satu saja saya hendak merayu, Tuan Pengerusi, ia-itu dalam ranchangan² F.L.D.A. ini

peserta² telah dudok dalam kawasan ini lebih kurang enam tahun sekarang dan segala ranchangan ini telah memberi faedah yang sangat baik boleh dikatakan ada ranchangan² yang telah memberi lebih daripada \$200 sa-bulan pendapatan, tetapi dalam perkara ini saya telah menerima rayuan daripada peserta² berkenaan dengan chara potongan yang di-buat oleh F.L.D.A. terhadap pendapatan² peserta² ini. Dengan potongan yang ada sekarang, pendapatan peserta² ini tidak-lah berapa banyak yang dapat kapada mereka sendiri tambahan pula wang yang di-dapati itu terpaksa pula di-potong untuk membayar hutang mereka kapada ranchangan² F.L.D.A. ini. Bagaimana yang telah di-ator oleh pegawai² F.L.D.A. ia-itu jikalau pendapatan \$100 ka-bawah tidak-lah di-kenakan apa² potongan, tetapi tiap² \$100 ka-atas di-potong dua per tiga, rasa saya. Jadi mereka merayu oleh sebab mereka telah dudok lama dalam kawasan dan tanggungan mereka boleh di-katakan berat ia-itu dengan tanggong-jawab anak² mereka sudah besar dan bersekolah yang tinggi menambahkan perbelanjaan banyak, jadi mereka merayu supaya dapat potongan itu dikurangkan sedikit umpama-nya 50% di-turunkan tidak dua per tiga sa-bagai mana biasa sekarang. Jadi dengan chara ini pendapatan mereka itu dapat merengankan bebanan² mereka untuk menanggung anak² mereka belajar ka-sekolah tinggi dan sa-bagai-nya. Jadi, sungguh pun perkara ini saya tahu-lah yang Kerajaan kita sekarang berkehendakkan wang-nya kembali supaya dapat kita melancharkan lagi beberapa ranchangan, dalam pada itu saya chuba merayu kalau dapat di-timbangkan perkara ini. Sekian-lah saya sokong dengan sa-penoh-nya perbelanjaan peruntokan pada tahun 1969 ini, terima kasih.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya turut sama dengan rakan sejawat saya memberi sokongan yang penoh atas peruntokan yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini.

Saya chuma hendak menyentoh, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Lembaga Kemajuan Tanah bagaimana

yang di-sungutkan oleh Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Temerloh tadi, ia-itu ada-lah benar peserta² tak puas hati berhubung dengan sistem pembayaran balek wang berkenaan dengan tanah² yang telah mempunyai hasil. Jadi, dengan ini saya menganjurkan satu pandangan supaya dapat di-pertimbangkan oleh Kementerian ini chara potongan itu kita mengambil daripada luas tanah yang di-milek, erti-nya kita kenakan chukai mengikut luas tanah yang di-mileki oleh peserta² itu, kita kenakan umpama 1 ekar \$10 kalau mereka dapat 8 ekar di-kenakan \$80 pada satu bulan di-potong. Dengan ini saya fikir dapat menyeluruh sama berhubung dengan chara pembayaran wang kembali kapada ranchangan ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, kita juga bangga bahawa ranchangan ini ada 74 ranchangan dan banyak daripadanya telah mengeluarkan hasil. Dalam masaalah mengeluarkan hasil ini beberapa sabotage atau beberapa perlawanan yang di-datangkan oleh orang yang tidak bertanggung-jawab dalam ranchangan kita yang maha baik ini ia-itu kadang kala terpengaruh kapada peserta² kita, mereka pergi menjual susu-nya ka-tempat² lain. Jadi, hal ini memang di-datangi oleh satu kumpulan dalam negeri ini dan saya gemar menyebutkan sebab-nya Estate² luar bandar jual estate², ladang²-nya, sebab getah mereka di-beli oleh satu kumpulan yang hendak merosakkan ekonomi negara ini.

Saya memandangkan masaalah ini terjadi juga di-satengah² Lembaga Kemajuan Tanah kita yang telah mengeluarkan hasil. Oleh itu saya mengshorkan supaya Kerajaan mengadakan "jaga" di-ladang² itu bagaimana yang di-buat oleh ladang² besar. Jaga ini bukan sahaja boleh mengawasi waktu orang itu mengambil getah tetapi waktu malam hari juga hendak di-jaga sebab getah² ini boleh di-larikan oleh manusia ini waktu malam hari dan juga kenderaan yang keluar masuk dalam ranchangan tanah itu supaya di-awasi. Kemudian satu perkara baharu berhubung dengan ranchangan kemajuan tanah ini ia-itu pemberian barang makanan daripada Badan Pertubuhan Makanan Antarabangsa ini satu perkara yang saya

harap Kerajaan mengawasi sebab saya kuatir bantuan yang sa-umpama ini akan memberikan kebajikan kepada peserta² kita yang mahukan barang makanan yang ada mengandungi vitamin, tetapi waktu menghulorkan bantuan itu kalau kita tidak awasi dan tidak di-jaga mereka ini tak dapat bantuan itu, jadi usaha matlamat Kerajaan hendak memberi faedah kepada peserta itu akan gagal.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Kelas Dewasa, saya menyokong atas pandangan yang diberi oleh sahabat saya dari Muar. Dalam tadi supaya Kelas Dewasa ini di-hebatkan lagi di-samping itu pada masa sekarang ranchangan-nya ia-itu berhubung dengan pelajaran vocational saya menambah satu perkara yang patut di-berikan perhatian kepada pelajar² Kelas Dewasa kita peringkat atas ia-itu di-berikan kepada mereka membaca akhbar² dan juga majallah² bulanan. Kita merayu kepada akhbar² dalam negeri ini supaya memberikan sa-paroh bayaran akhbar²-nya kepada pelajar² Kelas Dewasa kita dalam negeri ini. Maksud dan tujuan-nya salain daripada dia boleh membaiki pelajaran-nya, menambah pelajaran hubongan dalam negeri dan luar negeri dengan galak-nya mereka itu membaca akhbar², patut pehak akhbar² dalam negeri ini memberikan bayaran sa-paroh kepada pelajaran Kelas Dewasa kita dalam negeri ini.

Dalam urusan haji saya menguchapkan tahniah kepada Kerajaan yang akan mengambil alih urusan haji ini,— ini satu perkara yang sangat di-tunggu² oleh penduduk² Islam khas-nya penduduk di-dalam kawasan luar bandar, sebab dengan ada-nya satu urusan ini, saya fikir banyak kemudahan dan banyak kesenangan akan di-rasa² oleh bakal² haji kita yang bertambah ramai dari sa-tahun ka-satahun malah pula satu masa kita berchadang akan mempunyai sa-buah kapal yang bersendirian akan membawa bakal haji ini ka-Mekah.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I have only one point to speak about. Sir. I would like to thank the Honourable Minister for having provided my

State of Negri Sembilan with an Adult Education Supervisor for the Indian Section. In my constituency alone, Sir, there are nearly 10,000 Indians of whom about 5,000 are workers, and I would be greatly obliged if the Ministry could consider supplying my constituency with a full-time Supervisor or more Supervisors for the State of Negri Sembilan. At present, we have only one for the whole State, and we are very grateful for that.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam perkara Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini, ia-itu perkara Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa.

Tuan Pengerusi, negara kita sekarang ini sedang membangun dan kita menggunakan wang kita kepada tempat yang sa-baik²-nya untuk mencapai titik efficiency yang sa-baik²-nya, tetapi pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, satu masalah yang sa-olah² menimbulkan satu dilemma masyarakat kita, ia-itu perkara kelas dewasa. Bagi tahun ini kelas dewasa berjumlah \$10,260,000 juta. \$10 juta kelas dewasa yang di-untukkan oleh Kementerian ini pada hal hasil kelas dewasa yang kita dapati untuk perkhidmatan kepada masyarakat sendiri tidak begitu banyak, Tuan Pengerusi. Sa-balek-nya anak² kita yang miskin terutama di-luar² bandar yang memerlukan bantuan² pelajaran dan di-aku² oleh seluroh Dewan ini banyak terutama anak² di-luar bandar, tidak dapat menyambung persekolahan mereka kerana kemiskinan ibu bapa-nya. Maka sa-kira-nya \$10 million ini kita gunakan untuk memberi bantuan kepada anak² kita yang kecil yang bakal menjadi pemuda, dan pemimpin masa hadapan untuk menjaga kepentingan pembangunan negara kita masa hadapan, ada-lah lebih baik daripada kita gunakan kepada orang² yang sudah tua yang tidak banyak memberi khidmat mereka kepada masyarakat sa-lain daripada mereka itu hanya untuk melihat dan membanggakan sahaja jenerasi yang akan datang.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya minta dengan sunggoh² dan dengan ikhlas bukan kerana untuk menudoh

mana² pehak, sa-telah melihat hasil daripada kelas dewasa itu tidak memberi banyak faedah, supaya menukarkan peruntokan kelas dewasa ini kepada perbelanjaan anak² bumiputra di-luar bandar supaya dapat mereka meneruskan pelajaran mereka dengan chukup dan sempurna supaya mereka itu menjadi orang baik di-masa hadapan.

Perkara yang kedua ia-lah dalam masaalah F.L.D.A. Masaalah F.L.D.A., Tuan Pengerusi, timbul satu masaalah yang kelim-kabut sa-bagaimana yang telah di-katakan oleh Ahli dari Bachok kerana ini ada-lah satu perkara baharu di-dalam masharakat kita dan ra'ayat terutama orang² Melayu yang mempunyai fahaman Islam di-dalam menghadapi hak milek tanah² yang di-beri melalui F.L.D.A. ini menjadi satu masaalah baharu pula. Sampai hari ini tidak ada satu kaedah yang di-buat penerangan oleh pehak Kementerian Pembangunan Luar Bandar apa-kah kedudukan-nya, walau pun perkara itu biasa dan boleh di-selesaikan; sa-orang bapa yang meninggal dunia, dia mempunyai tanah F.L.D.A., ada anak-nya tiga atau empat, maka anak manakah yang patut memileki tanah ini dengan chara pembahagian-kah, dengan chara proportion bagaimana, sa-hingga masaalah itu timbul dan ini ada-lah satu masaalah yang pelek dan sa-kiranya dia mati dan anak-nya tidak setuju semua boleh di-pindahkan kepada orang lain. Itu satu.

Yang kedua-nya, masaalah bila orang ini akan dapat memileki tanah² F.L.D.A. Dalam angan² mereka, mereka pada satu hari akan dapat memileki tanah F.L.D.A. sa-telah pembayaran mereka itu selesai. Jadi, masaalah ini menimbulkan masaalah sulit, masaalah rumit, yang sampai hari ini pun tidak mendapat satu penjelasan yang baik dan memuaskan hati kepada pehak peneroka². Oleh itu saya mengharap-kan kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar membuat satu target bila-kah ra'ayat dapat memileki tanah² F.L.D.A. dengan menentukan waktu dan banyak per cent-nya yang harus mereka bayar hutang-nya, interest-nya, dan lain².

Yang kedua, beri penyelesaian masaalah soal ugama sa-hingga selesai—walau pun mereka ini sa-benar-nya mudah—biar ra'ayat semua-nya faham sa-hingga tidak akan terjadi perkara² baharu di-dalam masaalah tanah² F.L.D.A. ini. Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, untok saya kemukakan kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar untok mendapat perhatian. Sekian.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntokan di-atas Kepala B. 60 ia-itu peruntokan bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini, saya hanya akan berchakap sedikit sahaja terutama sa-kali, Tuan Pengerusi, ia-itu dalam menjalankan tugas pembangunan negara dan luar bandar ini, kita tahu di-peringkat Kementerian dan pegawai² yang tertentu telah di-tugaskan dan begitu juga-lah di-peringkat Negeri yang mana sa-lain daripada sa-buah Jawatan-kuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar peringkat Negeri ada sa-orang Pegawai Kemajuan Negeri yang di-tugaskan khas bagi memerhati dan melaksanakan tugas² pembangunan di-peringkat Negeri itu, tetapi, Tuan Pengerusi, di-peringkat daerah apa yang kita tahu tugas² pembangunan negara dan luar bandar ini ada-lah di-bebankan, atau pun di-tanggongkan kepada Pegawai Daerah sa-mata² yang mana Pegawai Daerah-lah menjadi Pengerusi Jawatan-kuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar peringkat Daerah dan Pegawai Daerah juga-lah yang bertanggungjawab di-atas pelaksanaan pembangunan di-peringkat² daerah itu.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang kita tahu, Pegawai Daerah ada-lah sa-orang yang banyak mempunyai tanggong-jawab dan bebanan² yang lain dari segi pentadbiran negeri. Jadi saya rasa ada baik-nya kalau di-peringkat Daerah ini juga di-adakan sa-orang Pegawai yang di-panggil Pegawai Kemajuan Daerah yang mana Pegawai Daerah juga yang ada sekarang ini boleh-lah di-kekalkan menjadi Pengerusi Jawatan-kuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar Daerah, tetapi

orang yang bertanggung-jawab mentadbirkan masalah² pembangunan di-peringkat Daerah itu biar-lah di-tugaskan kepada Pegawai Pembangunan Daerah dan juga sifat-nya di-dalam Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah boleh-lah Pegawai Pembangunan Daerah ini di-jadikan sa-bagai Setia-usaha, kerana pada hari ini apa yang kita dapati dalam Jawatan-kuasa² Pembangunan Luar Bandar Daerah yang menjadi Setia-usaha kepada Jawatan-kuasa itu biasa-nya di-pilih oleh Pegawai² Daerah terdiri daripada Penolong² Pegawai Daerah yang ada di-tempat itu, dan kebanyakan-nya pula, Tuan Pengerusi, Penolong² Pegawai Daerah yang dilantik menjadi Setia-usaha Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah ini mempunyai tugas² yang tertentu dan ada yang sa-tengah-nya bertanggung-jawab kepada Pejabat² Tanah Daerah masing² dan ada pula yang sa-tengah-nya bertanggung-jawab dengan Lembaga Bandaran di-tempat masing². Oleh yang demikian, maka banyak-lah tugas² mengenai projek² pembangunan, atau pun urusan² dalam perkara² yang ada hubungan dengan pembangunan luar bandar dari segi kemasyarakatan—pembangunan masyarakat dan sa-bagai-nya, maka kurang dapat di-berikan perhatian oleh pegawai² ini. Jadi, Tuan Pengerusi, sa-kira-nya kalau di-peringkat Daerah dapat di-adakan sa-orang Pegawai Kemajuan Daerah, saya rasa tugas² pembangunan pada masa akan datang akan dapat di-lancarkan dengan lebih pesat lagi.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, suka-lah saya berchakap atas Kepala B. 60, Kepala-kecil 14, muka surat 550 iaitu Pembayaran untuk Guru² Pelajaran Dewasa yang di-utangkan di-sini sa-banyak \$5 juta bagi tahun 1969 ini.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana kita ma'alum, pelajaran dewasa ada-lah memainkan peranan yang penting dalam memberikan kesedaran kepada ra'ayat dalam negeri ini. Oleh yang demikian kita tidak hairan-lah kalau sa-kira-nya pihak Pembangkang, terutama sa-kali pihak PAS, begitu marah terhadap kelas² pelajaran dewasa ini

dan bukti kejayaan kelas pelajaran dewasa ini dapat-lah di-fahamkan dengan ada-nya kemarahan pihak Parti PAS ini. Kerana pihak PAS ini, Tuan Pengerusi, sa-kira-nya apa juga rancangan yang di-lancarkan oleh Kerajaan beroleh kejayaan, apa juga rancangan yang di-laksanakan oleh Kerajaan dan dapat perhatian ra'ayat dan memberi kemajuan kepada ra'ayat, maka PAS akan sentiasa sakit hati kerana PAS kebiasaan-nya dia hanya akan hidup di-tempat² yang ra'ayat-nya tidak mempunyai pandangan yang luas. Tetapi kelas² pelajaran dewasa ini lain daripada tujuan menchelekkkan mata ra'ayat dan memberi pandangan yang luas pada ra'ayat, maka kelas pelajaran dewasa juga ada-lah membimbing ra'ayat untuk mencapai kemajuan. Jadi, Tuan Pengerusi, dalam kelas pelajaran dewasa ini saya suka-lah menarik perhatian Kementerian ia-itu pada hari ini, sa-bagaimana yang kita ma'alum, kelas² pelajaran dewasa ini berjalan hanya sa-lama tiga tahun dan sa-lepas itu akan tamat-lah kelas itu dan di-samping itu juga dalam kelas pelajaran dewasa ini ada di-adakan kelas pelajaran ugama yang di-adakan sa-minggu sa-kali. Jadi, Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak menyampaikan kepada pihak Kementerian ia-itu saya banyak-lah menerima rayuan² dari pihak pelajar² kelas dewasa yang telah tamat ini ia-itu kalau dapat kelas² yang telah tamat itu di-sambungkan tempoh sa-lama dua tahun lagi untuk pelajaran² dewasa ugama. Kerana dalam tempoh sa-minggu sa-kali kelas² itu di-berikan pelajaran dewasa ugama dalam tempoh tiga tahun tidak-lah menchukupi dan lebih² lagi, Tuan Pengerusi, apa yang kita nampak mustahak kelas² pelajaran dewasa ugama di-lanjutkan tempoh untuk masa-nya kerana memandangkan pada sa-tengah² tempat ada kalangan² parti siasah dalam negeri ini menggunakan ugama sa-bagai alat kepentingan mereka itu untuk hendak memancing ra'ayat, tambahan, Tuan Pengerusi, apa yang kita tahu, ini menjadi kemarahan kepada parti lawan terutama sa-kali Parti Pembangkang—PAS—yang marah sangat kepada kelas dewasa ini. Inilah satu daripada sebab-nya ia-itu

kelas dewasa ini ada mempunyai pelajaran agama dan pelajaran agama yang di-bawa ka-kelas² dewasa ini berlainan daripada pelajaran agama, fahaman agama, yang di-bawa oleh tok² guru PAS ini. Kalau pondok² atau pun di-tempat² kubu atau pun sarang PAS ini berkembang, ajaran² agama yang di-bawa di-situ mengikut chara² yang kolot dan kunu dan menyekat ra'ayat untuk menchapai kemajuan tetapi kelas² pelajaran agama dewasa ini ada-lah memberikan panduan yang luas pada ra'ayat. Jadi, Tuan Pengerusi, memang patut sangat-lah yang kelas² pelajaran dewasa agama di-lanjutkan lagi tempoh-nya kapada kelas² yang telah tamat itu.

Dan akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, saya suka berchakap atas Kepala-kecil 30, maka surat 551—Peraduan² Kemajuan antara Jawatan-kuasa Kampong. Tuan Pengerusi, pada hari ini di-bawah Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah dilancarkan oleh Kementerian sekarang ini telah di-arahkan boleh di-katakan tiap² buah kampong ada Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong-nya. Tetapi, Tuan Pengerusi, apa yang mendukachitakan kita ada sa-tengah² Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong dalam negeri ini tidak-lah bergerak begitu baik dan ini boleh jadi di-sebabkan oleh salah faham oleh kerana kurang pengertian atau pun bimbingan yang di-berikan kapada Jawatan-kuasa² Kemajuan Kampong itu, Ada sa-tengah² Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong hanya-lah merupakan sa-bagai tempat untuk penduduk di-situ menyuarakan desakan² kapada Kerajaan, tempat menyuarakan sungutan² kapada Kerajaan, pada hal tujuan utama kita mengadakan Jawatan-kuasa² Kemajuan Kampong ini ia-lah untuk mengarahkan ra'ayat di-situ untuk melaksanakan tugas² mereka sendiri apa yang patut mereka buat dan apa yang patut mereka buat dalam usaha membangunkan kampong mereka itu. Tuan Pengerusi, saya rasa peruntokan \$10,000 ini patut-lah wang peruntokan ini di-pergiatkan lagi gerakan² bagi menyedarkan Jawatan-kuasa² Kemajuan Kampong ini supaya jangan, Tuan Pengerusi, apa yang kita harapkan daripada penubohan Ja-

watan²-kuasa Kemajuan Kampong ini, mendatangkan kesan yang sa-balek-nya. Sekian, Tuan Pengerusi.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Iuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kaseh kerana telah memberi saya peluang berchakap sedikit di-dalam perkara belanjawan Bekalan 60 yang di-minta di-Dewan oleh Menteri yang berkenaan.

Di-dalam soal pembangunan dan kemajuan saya telah memperhatikan apa-kah istilah atau pun ma'ana yang di-ertikan oleh ra'ayat jelata di-dalam perkara pembangunan. Tidak lain dan tidak bukan ia-lah terkumpul kapada 10 atau 9 perkara ia-itu pada orang² kampong kemajuan berma'ana bekalan lampu letrik yang pertama, yang kedua bekalan ayer paip, yang ketiga bekalan jalan² raya, yang ke-empat ranchangan² tanah yang harus memberi sara hidup yang lebeh banyak kapada mereka² yang mengambil bahagian di-dalam menjalankan ranchangan² itu, yang kelima ia-lah bekalan talipon di-tempat² yang terpenchil supaya dapat mereka itu berhubung dengan bandar² dan dapat pertolongan di-dalam masa ke-chemasan, yang ke-enam ia-lah bekalan pada tiap² kampong dewan² orang ramai di-mana mereka itu sa-bagaimana yang di-katakan oleh sahabat saya tadi ia-lah tempat hendak mendesak Kerajaan sahaja bukan hendak menjalankan kemajuan kampong sangat dan kalau tidak di-gunakan begitu harus juga di-jadikan tempat kambing dan ayam berkumpul, yang ke-tujuh masjid² dan surau—dan di-sini rasa saya banyak sangat-lah wang Kerajaan telah di-gunakan bagi melancarkan dan menambah bilangan masjid² dan surau² di-kampong, walhal kalau kita tengok, tidak sahaja di-tempat² yang lain bahkan dalam Kuala Lumpur ini juga sa-lain daripada hari Juma'at macham hari ini boleh-lah di-katakan kalau sa-kira-nya orang hendak berjema'ah di-dalam masjid itu tidak sampai dua sab yang hadir. Jadi sa-benar-nya lebeh bilangan dan beribadat masjid² yang di-kehendaki daripada orang yang hendak pergi sembahyang di-dalam masjid itu. Ini tidak-lah berma'ana

ia-itu saya menchegeh atau pun membantah mendirikan masjid² tetapi ia-lah pandangan² yang telah pun dapat dibuktikan dengan mata kepala kita sendiri.

Sa-lain daripada itu soal sekolah² dewasa juga telah mengambil perhatian dan di-sini bagaimana juga telah dikatakan pada masa² yang sudah di-dalam Dewan ini, sungoh pun ada baik-nya ada juga perjalanan-nya kelas² dewasa ini di-tempat² yang tidak bagitu elok, dan sa-bagaimana kata sahabat saya daripada Krian Laut tadi kadang²-nya ada-lah menjadi baik dan dari segi ugama patut-lah di-panjangkan lebeh lagi daripada masa yang sudah tetapi walau bagaimana pun tidak-lah dapat hendak di-nafikan bahawa guru² kelas dewasa ada mempunyai pengaruh di-antara orang² kampung di-mana mereka itu duduk dan pengarah² itu kadang²-nya merosakkan pergerakan parti kita sendiri dan masharakat 'awam.

Yang akhir sa-kali, di-dalam lapangan Perdagangan dan Perusahaan, saya berasa ia-itu ra'ayat jelata di-dalam negeri ini pada keselurohan-nya sangat-lah berbangga, dengan sebab ada-nya Majlis Amanah Ra'ayat dan juga Bank Bumiputera, menolong mereka itu, tetapi walau bagaimana pun sampailah sa-takat hari ini perniagaan maseh tidak lagi berkembang dengan sapatut-nya, sa-bagaimana yang dikehendaki di-antara orang² kita dengan sebab modal tidak ada dan kalau ada modal dasar² Kerajaan pula tidak membenarkan pembangunan atau pun kemajuan di-dalam tempat² yang tertentu. Saya dengan itu, rasa-nya memberi pandangan sa-mata² dan di-harapkan pada masa yang akan datang ia-itu bekalan² ayer, lampu, jalan² raya dan talipon—satu tempat, di-dalam kawasan saya telah di-janjikan perkara yang empat ini dalam tahun 1964 dahulu, lepas sahaja pertandingan dalam pilihan raya tahun 1964, Wakil² Ra'ayat telah pergi menjajah, mengatakan ini² akan dapat. Sampai pada hari ini banyak daripada ranchangan² itu tidak di-laksanakan malahan-nya, saya mengambil chontoh, ia-itu dalam kawasan Lubok Merbau yang tentu tahu, dan juga Menteri Yang Berhormat

Dato' Pengerusi ada-lah mengetahui satu kawasan yang terpenchil daripada Kuala Kangsar, lebeh kurang dalam lima batu jauh-nya dari bandar telah bertalu² memintakan sa-buah bangunan talipon public di-dirikan di-situ kerana banyak kali-lah masa dalam ke-chemasan tidak dapat hendak berhubong dengan bandar Kuala Kangsar yang lima batu jauh-nya. Saya akhirnya, dengan beberapa sukachita dan ikhlas, menyokong penoh bagi bekalan yang di-minta di-Dewan ini. Terima kaseh.

Tuan Pengerusi: Sa-orang lagi saya ingat hendak berchakap, sa-orang lagi sahaja, tadi bangun. Sampai pukul 11 sahaja.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Dato', saya berchakap sa-berapa chepat yang boleh, asal sahaja apa isi chakap saya dapat dibentangkan dalam Dewan ini.

Saya menyokong Peruntokan Kementerian ini, Tuan Pengerusi, ia-lah memandangkan Kementerian ini satu Kementerian yang sangat besar erti-nya kepada kemajuan negara kita dan kalau ada keritik di-atas usaha Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini, ia-lah satu keritik yang di-luar dugaan. Ra'ayat di-luar bandar, Tuan Pengerusi, berharap perubahan nasib dan penghidupan, supaya dapat menyampaai keadaan hidup ra'ayat di-dalam bandar. Kapada Kementerian ini-lah harapan ra'ayat maka saya dengan tidak teragak, bagaimana mula saya katakan Tuan Pengerusi menyokong sa-penoh-nya.

Perkara yang kedua saya hendak chakap, Tuan Pengerusi, ia-lah masa-alah bantuan Tabong Haji. Saya menyokong atas persamaan urusan Haji dengan Tabong Haji akan di-samakan tadbir-nya dalam masa tidak lama lagi. Perkara yang perlu kita kaji sekarang ini ia-lah bakal² Haji yang hendak ka-Mekah pada hari ini ada yang melalui Tabong Haji, ada yang melalui persendirian. Hitong panjang 5,000 orang tiap² tahun pergi ka-Mekah yang membawa \$2,000 tiap² sa-orang, lebeh kurang sa-puluh juta. Duit ini jikalau dapat di-masokkan

dalam Tabong Haji, sa-tahun sa-belum mereka berhajat hendak ka-Mekah, sa-puluh juta ini boleh kita gunakan untok pembangunan dan penanaman modal dan sa-bagai-nya. Jadi saya merayu-lah kepada Yang Berhormat Menteri supaya masaalah ini di-timbangkan.

Yang ketiga ia-lah berhubong dengan bantuan Pengeluaran Buku Bacaan. Saya mengeshorkan kepada Kementerian ini supaya membuat satu buku yang berdasarkan kemajuan negara kita ini, bukan naskah kechil, tetapi agak tebal, masa kira² lima tahun ini kita masokkan pembangunan di-semua negeri sa-bagai bacaan ra'ayat dan bahan sejarah pada masa yang akan datang. Pada masa ini usaha² itu ada di-usahakan pada peringkat negeri² tetapi pada peringkat Persekutuan atau pun Kementerian ini sendiri, saya rasa kalau saya tidak silap chara besar²an belum di-lakukan. Jadi saya merayu Menteri Yang Berhormat ini supaya masaalah ini di-timbangkan pada masa yang akan datang.

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, 40% ra'ayat daripada Malaysia ini yang maseh buta huruf. Sa-bagai sa-buah negeri yang merdeka kita merasa malu kalau ra'ayat kita sendiri yang hampir 40% maseh belum boleh membacha dan menulis. Jadi usaha Kementerian Pembangunan ini hendak menghapuskan buta huruf ini satu usaha yang sangat baik, sedangkan ra'ayat kita yang buta huruf itu bukanlah dengan sebab kita, ia-lah dengan sebab dasar penjajahan pada masa dahulu, tidak ada peluang belajar, kemiskinan hidup, kesusahan ke-enderaan, kejauhan perhubungan, yang melibatkan mereka tidak dapat mengetahui dalam masaalah membacha dan menulis. Sa-bagai sa-buah Kerajaan yang merdeka, kita telah merdeka, kita berhajat hendak menghapuskan buta huruf ini yang ada di-kalangan ra'ayat kita hampir 40%, maka usaha yang kita lakukan ini patut sangat-lah menjadi galakan atau sokongan daripada seluroh ra'ayat yang benar² chinta kapada negeri ini, tetapi apa yang kita dapat pada hari ini, Tuan Pengerusi, kita di-tudoh, kita di-

tohmah, kita membaja² pokok tua, sedang pokok muda di-biarkan. Apa guna pokok tua di-baja² sedang buahnya tidak sa-bagitu banyak. Ini-lah lemparan yang selalu kita terima daripada usaha² yang di-buat oleh Kerajaan daripada pehak² yang tertentu. Kita faham maksud dan tujuan-nya sedang dalam hadith Nabi pun berkata "tuntut-lah ilmu daripada buayan hingga ka-lubang lahad, tuntutan-lah ilmu hingga ka-negeri China". Ini semua, ugama menyebutkan, menunjokkan, bahawasa-nya kita harus berusaha menuntut ilmu, tetapi sa-tengah² pehak memperkatakan bahawasa-nya dalam soal memberi pelajaran, membanteras buta huruf ini satu langkah Kerajaan hendak menekan perkembangan politik sa-sabuah gerakan, sa-sabuah parti. Saya rasa ada baik-nya orang ini diberi pengalaman dengan chara yang lebeh berkesan, sedangkan mereka tahu, Tuan Pengerusi, akan kedudukan dan hakikat di-negeri kita. Jadi, ini-lah perkara yang saya berasa kesal sa-kali, dalam usaha kita hendak menghapuskan buta huruf dalam negeri kita yang hampir 40%, atau hampir empat juta, Tuan Pengerusi. Sa-sabuah Kerajaan di-dalam dunia ini tentu-lah berkehendakkan ra'ayat-nya lebeh cherdek, lebeh modern daripada masa yang lalu. Jadi usaha ini, saya menyeru kalau boleh, Peruntokan ini di-tambah dan kita lakukan dengan lebeh giat, dalam usaha membasmi buta huruf ini.

Pada akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menerangkan sedikit bahawasa-nya bantuan kapada Perkumpulan Kebangsaan Perempuan yang sa-banyak ada \$70,000 ini, saya fikir patut sangat-lah Kementerian ini menimbangkan penambahan pada tahun² yang akan datang, usaha kaum ibu dalam menchari kemajuan dalam urusan rumah-tangga, umpama-nya, dalam chara berfikir, sangat berkesan. Kaum Ibu ini sendiri pun akan lebeh tertarek kalau penerangan itu daripada kaum ibu sendiri. Jadi, saya merayu-lah kapada bantuan Peruntokan ini di-timbangkan pada tahun yang akan datang supaya di-tambah. Terima kaseh.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, saya menguchapkan sebanyak

terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat. Boleh di-katakan semua-nya telah menyokong peruntukan perbelanjaan dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang pertama yang saya suka sebutkan di-sini ia-lah berkenaan dengan masalah Tabong Haji. Saya sukachita, banyak Ahli² Yang Berhormat, menyokong rancangan Kerajaan hendak menubuhkan satu Perbadanan yang besar, ia-itu yang meliputi Tabong Haji dan juga Pejabat Urusan Haji yang ada sekarang ini dan suatu rang undang² akan di-kemukakan dalam Majlis ini. Saya berharap Rang Undang² ini, kalau dapat, di-siapkan dan di-kemukakan dalam Dewan ini dalam meshuarat sekarang; kalau tidak dapat, dalam persidangan yang akan datang. Jadi dengan rancangan ini, saya percaya urusan² bakal² haji akan dapat di-jalankan dengan lebih sempurna dan lebih memuaskan, terutama sa-kali masalah menjaga mereka itu pada masa berada di-Mekah atau pun pada masa menunaikan fardhu haji di-Mekah.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bachok ada menyebutkan patut-lah di-beri banyak lagi da'ayah berkenaan dengan Tabong Haji dan begitu juga ada satu dua orang lagi Ahli Yang Berhormat menyebutkan patut-lah di-perluaskan lagi usaha² Tabong Haji ini. Chadangan ini saya terima dengan baik, sebab kita memang berchita² hendak perluaskan lagi usaha² Tabong Haji itu dan kita berkehendakan banyak lagi bakal² haji menyimpan wang dalam Tabong Haji ini, bukan sahaja untuk faedah negara bahkan untuk faedah mereka itu sendiri. Jadi, dengan wang itu kita dapat gunakan untuk perusahaan dan perniagaan, dan keuntungan itu akan memberi faedah kapada penyimpan² wang itu.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh menchadangkan ia-itu wang itu patut di-gunakan dalam berbagai perniagaan. Saya suka menerangkan, sungguh pun pehak Kerajaan suka-lah hendak menggunakan wang itu. ia-lah dengan apa chara juga, supaya wang itu boleh dapat keuntungan yang lebih, tetapi pada masa ini kita di-had oleh undang²

yang membenarkan wang itu di-per-tarohkan kapada *real property*, ia-itu kapada investment kapada barang² seperti rumah, tanah dan barang² yang seperti itu, dan tidak kapada perniagaan². Jadi, perkara ini sedang di-timbangkan dan lagi mustahak-lah tiap² perniagaan atau pun perusahaan yang hendak menggunakan wang itu dapat persetujuan daripada penyimpan² wang. Pada masa dahulu sa-tengah² orang Islam tidak bersetuju yang wang itu di-gunakan bagi perniagaan sa-lain daripada perniagaan pada barang² tetap atau pun *real property*, akan tetapi kalau perkara ini dapat di-timbangkan sa-mula Kerajaan suka-lah hendak menimbangkan kerana kita sa-benar² nya suka hendak menolong penyimpan² wang itu mendapat untong yang lebih banyak lagi pada wang yang mereka itu simpan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bachok ada menyebutkan berkenaan dengan wang simpanan untuk Perjuangan Algeria, kata-nya itu telah di-serahkan kapada Yayasan MARA. Yang sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, wang ini di-kelolakan oleh satu Jawatan-kuasa Sukarela, dan Jawatan-kuasa itu dengan sa-bulat suara telah bersetuju wang itu di-serahkan kapada Yayasan MARA, dan pehak MARA hanya seperti penerima wang sahaja, dan pehak Kerajaan atau pun MARA tidak berkuasa di-atas Jawatan-kuasa ini dan Jawatan-kuasa ini boleh-lah membuat apa juga ketetapan yang mereka itu fikir patut. Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Bachok ada mengatakan yang pinjaman wang daripada MARA itu ada-lah mengenakan bunga yang sa-banyak 6 peratus. Saya fikir 6 peratus itu tidak-lah begitu tinggi. MARA telah memberi pinjaman wang lebih kurang \$46 juta dan pada masa ini interest 6% itu atau pun 7% tidak-lah di-fikirkan tinggi sebab bank ada-lah mengenakan bunga 8% ka-9%. Jadi biasa-nya kita beri pinjam wang kapada konterektor² dengan di-kenakan faedah sa-banyak 7%, kapada peniaga² yang lain 6 peratus.

Tuan Pengerusi, saya sukachita Ahli Yang Berhormat dari Bachok menerima baik lawatan² saya ka-kawasan-nya, tetapi saya bimbang kalau kerap kali

saya melawat Bachok nanti penduduk² di-Bachok hilang kepercayaan kepada Ahli Yang Berhormat.

(Sa-orang Ahli Yang Berhormat: *Hear, hear*).

Saya takut nanti dia tak berada lagi di-Dewan ini lepas pilihan raya nanti.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kelas² Dewasa Ahli Yang Berhormat dari Bachok berkata yang Kelas Dewasa ini tidak memberi faedah, tidak berguna. Saya fikir tentu-lah dari segi parti PAS Kelas Dewasa itu tidak menguntungkan parti PAS tetapi nyata-lah Kelas² Dewasa ini menguntungkan kepada ra'ayat di-seluruh negara kita termasuk-lah ra'ayat negeri Kelantan. Saya tahu Kelas² Dewasa ini sangat mendapat sambutan yang baik di-negeri Kelantan orang² di-sana sabener²-nya berkehendakkan Kelas² Dewasa ini untuk memberi pelajaran pada mereka itu membaca dan menulis sebab di-sana ada banyak lagi orang² yang di-katakan buta huruf yang suka hendak mendapat pelajaran untuk membaca dan juga menulis.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan sedikit, saya tidak kata Kelas Dewasa itu tidak berguna, yang saya kata di-Kelantan 1,190 orang guru dengan 52 penyelia itu kita belanja terlampau banyak pada hal hasil-nya tidak banyak dan saya minta jaminan ada-kah Tun Abdul Razak sendiri berpuas hati dengan perjalanan di-Kelantan.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, saya puas hati; kalau saya dapat duit, saya hendak tambah banyak lagi Kelas² Dewasa di-negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, ada beberapa Ahli Yang Berhormat menyebutkan berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Tanah. Ahli Yang Berhormat dari Bachok ada membuat tuduhan, katanya pegawai² yang berkhidmat di-sana tidak menjalankan tugas dengan sempurna. Saya suka menerangkan bahawa sa-tahu saya, pegawai² Lembaga ini ada menjalankan tugas dengan memuaskan hati sebab itu-lah usaha² Lembaga ini telah mendapat kejayaan. Sunggoh pun begitu ada satu dua orang

yang barangkali tidak menjalankan tugas dengan baik dan tindakan² telah pun di-ambil terhadap mereka itu.

Tuan Pengerusi, Lembaga Tanah atau Ranchangan Kemajuan Tanah ini adalah menghadapi beberapa masaalah yang di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat. Ahli² Yang Berhormat dari Temerloh dan juga Muar Utara ada menyebut berkenaan dengan potongan wang bayaran. Sa-benar-nya pehak Lembaga suka-lah hendak menjalankan dasar yang 'adil ia-itu kita hanya-lah potong wang bagi bayaran balek itu yang di-fikirkan patut, yang tidak menyusahkan kepada peserta². Jadi dasar kita yang awal, yang mula², ia-lah di-fikirkan peserta² boleh mendapat \$300-\$350 sa-bulan dan bayaran \$50-\$60 sa-bulan itu tidak-lah menyusahkan kepada mereka itu. Akan tetapi beberapa masaalah telah timbul ia-itu sa-tengah² peserta² itu tidak-lah begitu jujur kepada Lembaga ini. Saperti kata Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara mereka itu di-dapati menjual getah²-nya ka-luar daripada ranchangan dan ini menyebabkan Lembaga tidak dapat mengutip wang sa-bagaimana yang patut. Jadi, jika pehak peserta² itu jujur kepada pehak Lembaga menurut aturan² yang di-tentukan ia-itu segala getah² yang di-keluarkan itu di-jualkan kepada Lembaga dan Lembaga-lah menguruskan pembelian getah itu, pada masa itu-lah Lembaga akan memotong wang yang di-fikirkan munasabah. Jadi kalau peserta² dapat mengikut dasar yang sa-benar-nya, dapat-lah kita jalankan perkara ini dengan terator dengan tidak memberi kesusahan kepada peserta². Saya sedang menjalankan siasatan di-atas hal ini sebab saya ada mendapat rayuan² daripada peserta² di-sa-tengah² tempat yang mengatakan tak puas hati dengan pembayaran ini. Jadi saya berharap perkara ini dapat di-selesaikan sebab saya kata dasar kita tidak-lah hendak menyusahkan peserta². Tujuan kita memberi tanah pada mereka itu ia-lah supaya mereka itu dapat chara kediaman yang baru, dapat mata pencharian yang sempurna.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bertanya bila-kah peserta² itu boleh dapat memileki tanah. Yang sa-benar-nya mereka itu ada-lah memileki

tanah itu daripada mula mereka dudok dalam tanah itu; hanya-lah geran tanah itu tidak di-beri kapada mereka itu sahingga mereka itu telah menjelaskan hutang²-nya kapada pehak Lembaga. Jadi masaalah kepunyaan tanah itu tidak timbul kerana mereka itu mempunyai tanah. Bagitu juga soal pembahagian tanah itu pun tidak timbul kalau peserta itu mati. Tanah itu di-bahagikan mengikut peratoran yang tertentu mengikut undang² Islam ia-itu akan di-bahagikan kapada semua warith²-nya tetapi dengan sharat-nya tanah itu hanya-lah boleh di-serahkan kapada sa-orang sahaja daripada warith²-nya. Jadi kalau warith²-nya tak dapat bersetuju di-atas siapa yang patut menerima tanah itu, tanah itu terpaksa-lah di-jual dan kalau salah satu daripada warith-nya boleh membeli tanah itu, dia-lah akan di-beri keutamaan. Kalau tak ada warith² yang suka hendak membeli tanah itu, terpaksa-lah di-jual kapada pehak yang lain dan warith² akan dapat menerima wang daripada jualan tanah itu. Jadi ini-lah chara dahulu yang di-fikirkan munasabah sebab kita tidak berkehendakkan tanah itu di-bahagi² sebab ini akan menimbulkan balek masaalah yang lama ia-itu fragmentation atau pun peserta² mempunyai tanah yang kecil yang tak menchukupi bagi kehidupan mereka itu.

Berkenaan dengan masaalah Kedai² Sharikat dalam ranchangan tanah ini—pun perkara sedang di-jalankan siasatan. Saya tahu sa-tengah² tempat perkara ini di-jalankan dengan tidak memuaskan hati dan pehak Lembaga sedang menjalankan siasatan dan saya harap soal ini dapat di-perbaiki.

Berkenaan dengan pemberian² barang² makanan yang di-sebutkan oleh Ahli dari Muar Utara, pehak Lembaga ada mempunyai atoran² yang sempurna atas hal ini dan saya perchaya dengan atoran² ini pemberian barang² itu dapat di-jalankan dengan memuaskan hati. Dan sungguh pun bagitu kalau ada apa² yang tidak bagitu puas hati, saya harap-lah dapat di-beritahu kerana kita berkehendakkan barang² ini di-beri dengan adil dan memuaskan hati kapada semua pehak.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson meminta tambahan Penyelia Kelas Dewasa. Ini saya boleh-lah tambahkan, kalau saya dapat duit, boleh-lah saya tambahkan.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut ada menyebutkan berkenaan dengan Pegawai Kemajuan di-peringkat Jajahan. Beliau menchadangkan patut di-adakan pegawai khas bagi menjalankan ranchangan kemajuan di-peringkat Jajahan. Sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, perkara ini telah timbul dahulu dalam Dewan ini dan saya telah terangkan bahawa chara kita menjalankan ranchangan² pembangunan ia-lah dengan chara mengadakan pasokan pegawai² di-peringkat Negeri, dan di-peringkat Jajahan. Jadi kita tidak boleh bergantung kapada satu orang pegawai. Di-peringkat Jajahan, Pegawai Jajahan-lah yang boleh menjadi ketua kapada semua pegawai² yang bertanggung-jawab. Kalau tidak ada kerjasama daripada semua pegawai tentu-lah ranchangan² tidak boleh berjalan dengan baik dan terator. Dan lagi Pegawai² Jajahan telah di-beri arahan bahawa mereka itu mesti-lah mengutamakan kerja² pembangunan ini dan kerja² lain boleh-lah di-ketepikan sebab ini ada-lah pekerjaan² yang mustahak dan saya dapati boleh dikatakan semua Pegawai² Jajahan ada-lah menjalankan tugas mereka ini dengan baik dan sebab itu-lah ranchangan kemajuan kita ada berjalan dengan memuaskan hati.

Berkenaan dengan Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong, kata-nya patut di-perbaiki lagi. Ini yang sa-benar-nya kita sedang menjalankan tindakan² atas hal ini, sebab Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong ini baru sahaja di-tubuhkan itu pun kita belum tubuhkan di-semua tempat, kita hanya-lah tubuhkan di-kampong² yang kita fikir boleh menjalankan usaha² pembangunan dengan sempurna dan Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong ini bila di-tubuhkan boleh berjalan dengan baik. Jadi tujuan kita mengadakan Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong itu supaya mebolehkan penduduk² kampong itu berunding, berfikir, dan berikhtiar menjalankan usaha² bagi

memajukan kampung² mereka itu dan diri mereka itu sendiri dengan usaha mereka itu sendiri. Kita tidak hendaklah Jawatan-kuasa Kemajuan Kampung itu menjadi tempat bagi penduduk² kampung itu membuat permintaan kepada Kerajaan. Kita berkehendakkan Jawatan-kuasa Kemajuan Kampung itu menjadi tempat bagi penduduk² kampung berunding di-atas chara² mereka itu boleh menolong diri mereka sendiri.

Jadi, Tuan Pengerusi, dalam Gerakan² Maju dan Jayadiri yang kita sedang jalankan itu harap Jawatan-kuasa Kemajuan Kampung ini dapat di-perbaiki lagi, saya sendiri faham seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam ia-itu hasil Gerakan² Maju dan Jayadiri ini belum-lah memuaskan hati. Perkara ini baru di-jalankan dan masaalah hendak menukar sikap ra'ayat hendak menguatkan semangat ra'ayat ini bukan-lah perkara yang senang di-jalankan—ini terpaksa mengambil masa dan ini bergantung-lah kepada ra'ayat sendiri bagi memberi kerjasama kepada Kerajaan dalam hal ini.

Bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kita sukacita yang Menteri Penerangan dan Penyiaran telah memulakan revolusi mental, dan saya fikir elok-lah usaha² di-kekalkan dalam Kementerian itu supaya dapat di-adakan kerjasama di-antara Kementerian Penyiaran dan Penerangan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menukarkan sikap dan pandangan, fikiran ra'ayat, terhadap pembangunan negara dan juga terhadap chara² mereka itu boleh memperbaiki keadaan hidup mereka itu.

Jadi, Tuan Pengerusi, dalam Kementerian ini telah pun di-tubuhkan satu bahagian research atau evaluation—ia-itu kita sedang menjalankan penyiasatan di-atas semua sa-kali ranchangan pembangunan yang telah di-jalankan dan kita harap dapat mengetahui bagaimana-kah sambutan ra'ayat terhadap ranchangan² itu, dengan itu kita dapat mengetahui dan mengukir bagaimana banyak atau besar-nya kejayaan yang telah di-chapai dalam tiap² ranchangan yang kita jalankan. Dengan chara kita adakan pengukoran

usaha² kita itu daripada satu masa ka-satu masa dapat-lah kita mengator langkah² kita bagi masa hadapan untuk memperhebatkan lagi usaha² dalam lapangan² yang di-kehendaki terutama sa-kali di-dalam Gerakan² Maju dan Jayadiri yang sedang di-jalankan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Lipis ada menhadangkan ia-itu patut di-adakan sa-buah buku kemajuan lima tahun. Sa-benar-nya pehak saya ada-lah berhadang hendak mengadakan sa-buah buku berkenaan dengan pembangunan yang telah di-jalankan sa-hingga hari ini dan saya harap buku ini dapat di-sediakan tidak berapa lama lagi sebab saya rasa sangat mustahak kita adakan keterangan² mengenai kemajuan² yang telah dapat di-chapai daripada satu masa ka-satu masa supaya ini bukan sahaja menjadi perkara² yang boleh di-bacha oleh ra'ayat negeri ini bahkan menjadi panduan kepada kita di-atas kehasilan yang telah dapat di-chapai dan dengan itu dapat-lah kita mengukir langkah kita pada masa yang akan datang. Saya sendiri tahu ia-itu Kerajaan Negeri ada mengeluarkan buku² seperti ini boleh di-katakan sa-tiap tahun hanya-lah Pusat belum mengadakan lagi dan saya harap tidak lama lagi dapat di-adakan sa-buah buku yang seperti ini dan tentu-lah kalau hendak di-sebutkan semua sakali ranchangan² ini akan mengambil masa yang lanjut dan buku itu akan menjadi terlalu besar, terlalu panjang, dan kita haruslah mengutamakan dasar² dan chara² kita melaksanakan ranchangan² yang boleh menjadi panduan kepada kita dan juga kepada ra'ayat pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya fikir tidak ada-lah perkara² lain yang mustahak yang patut di-jawab, jadi perkara² yang lain itu boleh-lah di-timbangkan dan saya sa-kali lagi menguchapkan berbanyak² terima kasih di-atas sokongan yang telah di-beri oleh Ahli² Yang Berhormat kepada Kementerian ini.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$9,567,839 untuk Kepala B. 60 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama sa-puloh minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.25 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.40 pagi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

JADUAL

Kepala B. 68—

Menteri Kebajikan 'Am (Dr Ng Kam Poh) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I beg to move that the expenditure shown under Head B. 68 totalling \$5,969,464 be approved.

The services provided by my Ministry are not narrowly confined to ameliorative services which characterise many of the welfare programmes in developing countries, but they include, and with greater emphasis, those services which are both preventive and remedial in nature. The prime objective of my Ministry are (a) to promote social progress and better standards of living so as to enable the socially handicapped to become useful productive citizens, (b) to alleviate social disruptions which could impede development efforts and (c) to assist in the development of human and other resources by motivating people towards new attitudes and ways of life and by involving them in the solution of their own problems. To achieve these, the Ministry has, amongst others, programmes for the protection and welfare of children and young persons, the care and treatment of juvenile offenders, the care and rehabilitation of women and girls exposed to moral danger, the care and rehabilitation of physically and mentally handicapped persons, the care of the aged and chronically ill, the control and rehabilitation of vagrants and beggars, the relief of dependants of detainees, training of professional personnel of the Ministry and grants to welfare institutions.

The year 1968 has been one of consolidation and expansion of the

welfare services provided by my Ministry. Welfare programmes designed for children in need include provision of eight Children's Homes including other aids to the needy children and a boarding-out scheme. Services for children needing care and protection is being expanded with the construction of a new Children's Home in Butterworth to cater for another 100 children to serve the region of Perlis, Kedah, Province Wellesley and Penang.

Services for the treatment of juvenile offenders are likewise being expanded. The maximum accommodation in the four existing Approved Schools in West Malaysia has been increased. A new Remand Home and Hostel is under construction in Kuala Trengganu. In East Malaysia, a Remand Home at Kota Kinabalu and work on an Approved School in Kuching is expected to begin this year.

A related service which is developing into significant proportions is that for the care and rehabilitation of the women and girls in moral danger. The Place of Refuge, Selangor, only completed very recently, is now more than full, while case-work and counselling service for this category of persons have likewise developed very rapidly. A second such institution designed for 75 women and girls is very nearly completed in Trengganu.

The manifold rehabilitation programmes for the disabled and handicapped which include registration, care, treatment, placement and aftercare are systematically being consolidated and developed with the assistance of an I.L.O. Consultant now attached to the Ministry. In preparation for placing the handicapped persons who are now undergoing training in the various establishments, my Ministry has mounted an educational as well as publicity campaign to pave the way for acceptance of its rehabilitees into remunerative employment as well as reintegration into the community. The Sales Organisation established in 1967 designed to organise isolated handicapped individuals who have had training to become productive and self-supporting persons by such means as

purchase of raw materials at lowest cost, marketing of products at fair prices and provision of retraining facilities, have since been rapidly expanded to cater for no less than 57 handicapped workers.

Concern for our ageing dependant poor and beggars has found expression in the ten establishments for their care and rehabilitation. Active campaigns in five States during 1968 resulted in more than 200 beggars and vagrants being offered this programme of care, treatment, training and protection so that today nearly 1/3 of the 2,000 odd poor and handicapped ageing men and women leading a useful and meaningful life in our Homes, were once beggars and vagrants on our streets. Another new Home for 320 old persons which is almost ready in Johore Bahru will further improve living conditions for the needy ageing in care.

A natural extension of this service for the poor and ageing is the provision of Homes for the Chronically Ill who are at present either occupying valuable bed space in hospitals or are being accommodated in Old Persons Homes hardly designed for the comfort and care of such persons, or are being left to the vagaries of circumstances within their own families. Two Homes which will provide proper treatment, nursing care and accommodation for the chronically as well as terminally ill, have been planned, the first of which designed for 320 persons, is already under construction in Butterworth.

tetapi ada lagi sa-bahagian kecil daripada penghantar² surat ini yang saya memandang tidak ada amanah. Kebanyakan surat² yang kita kirim dengan duit dengan register sa-kali pun walau pun dengan Money Order duit² ini atau pun wang² ini hilang terus. Saya sendiri, Tuan Pengerusi, dua kali telah kena ia-itu saya hantarkan wang dengan jalan Money Order. Yang pertama sa-kali dari Kulim ka-Kuala Lumpur tidak sampai dan terpaksa-lah saya mengambil balek beberapa² lama kemudian daripada itu baharu-lah dapat balek. Dan lagi sa-kali saya telah hantar dengan chara register, chara berdaftar, itu pun tidak sampai. Ini-lah saya harap Yang Berhormat Menteri ini supaya ada satu² chara yang dapat menjalankan masa kita hendak memilih penghantar² surat masa meminta kerja ini supaya kita dapat pekerja² yang chukup² amanah kerana ini ada-lah satu perkara yang sangat besar, yang sangat mustahak yang kita tanggungkan kepada mereka itu dan juga saya harap kalau sa-kira-nya di-dapati penghantar² surat, atau pun posmen² ini yang telah pechah amanah, maka patut sa-kali-lah kita beri satu hukuman yang berat. Baharu² ini saya ada bacha juga dalam surat khabar, ada sa-orang penghantar surat yang telah di-denda kerana pechah amanah, tetapi saya perchaya tidak-lah begitu berat denda-nya dan saya perchaya tidak-lah menakutkan kepada penghantar² surat ini.

Ini-lah, Tuan Pengerusi, saya harap dalam perkara penghantar² surat ini yang saya chadangkan tadi lebih baik barangkali kalau kita berikan kepada wanita², kerana kebanyakan-nya saya perchaya wanita² ini ada memegang amanah yang kuat dan tidak senang mereka itu memecahkan amanah²-nya yang berkenaan. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya juga mengambil kesempatan berucap berhubung dengan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya berasa terkilan kira-nya tidak saya berchakap berkenaan dengan apa yang di-ucapkan baharu² ini oleh

Wakil dari Batu yang telah menudoh sa-umum-nya kepada bangsa Melayu. Tujuan ia berchakap dalam Dewan ini ia-lah membawa api perkauman. Saya berasa dukachita sa-orang yang bijak sa-rupa Wakil Batu itu berucap didalam Dewan yang bertuah ini. Kalau bagi pehak saya wakil daripada orang Melayu hendak berchakap beberapa banyak lebih daripada apa yang di-katakan-nya itu boleh saya keluaran pada petang ini, tetapi kerana negara kita ini berbilang bangsa tidak-lah patut kita uchapkan saperti apa yang di-ucapkan oleh Wakil dari Batu baharu² ini.

Tuan Pengerusi, umpama-nya ia mengatakan ia-itu bagi pehak Kerajaan telah menaruhkan pasir pada nasi orang² yang bukan Melayu yang ada mendapat kontrek kecil, kerana kata-nya beribu² kontrekter yang bukan Melayu sudah tidak mendapat pekerjaan. Ini kalau di-dengar oleh umum tentu-lah benar, tetapi pada saya yang saya tahu kontrekter² Melayu yang diberi keistimewaan itu pun tidak-lah begitu dapat, tidak begitu jelas, kerana ada juga rungutan² daripada kontrekter² Melayu yang di-beri peluang ini, Tuan Pengerusi. Ini sa-mata² ucapan kerana pilihan raya, rasa saya, tetapi saya suka nasihatkan kepada Wakil dari Batu, jangan-lah bermain api. Orang Melayu konon di-beri hak istimewa orang Melayu, tetapi saya hendak bertanya kepada Wakil dari Batu: Mana dia ekonomi orang Melayu, mana lebih ekonomi orang Melayu dengan orang yang bukan Melayu, kerja² jawatan penting, berhubung dengan tanah, berhubung dengan politik dan lain² lagi, kalau saya hendak bachakan, ini patut-lah Wakil dari Batu mengambil insaf di-atas Kerajaan Perikatan yang jujur dan ikhlas memimpin negara ini.

Saya berasa sungguh dukachita kalau tidak di-jawab sa-olah² tikam tidak berbalas. Saya tidak-lah hendak memanjangkan penerangan berhubung dengan apa yang di-katakan hak istimewa orang Melayu, kerana ini orang yang bukan Melayu tahu: ini sa-mata² ada di-dalam kertas sahaja.

Tuan Pengerusi, saya berharap-lah kepada Wakil dari Batu ta' usah-lah memberi ucapan yang membakar hati orang Melayu. Tuan Pengerusi, rungutan pemuda² yang kita dengar di-kampung², hendak bekerja menjadi kuli J.K.R. pun payah hendak dapat, terutama sa-kali pemuda Melayu. Ini saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri bukan hendak minta jadi kerani besar, kuli kerja raya, beri-lah peluang kepada pemuda² Melayu yang ada di-kampung².

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya suka-lah berchakap, muka 596—Bahagian Kerja Raya. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri, ia-itu Sungai Kesang yang mencheraikan di-antara Johor dengan Melaka di-Kampung Kesang Tasek ada sa-buah jambatan yang telah di-buat oleh Kerajaan Johor dengan chara gotong-royong di-beri oleh Kerajaan \$5,000 dan Kerajaan Melaka hampir \$5,000. Masa hujan lebat, apong² melanggar jambatan itu, sudah hoyong-hayang. Saya chadangkan, saya shorkan kepada Yang Berhormat Menteri, kalau ada lapang masa sila datang ka-Melaka, datang-lah melawat jalan yang saya sebutkan itu, ia-itu Jalan Ghafar yang menyambungkan di-antara Melaka dengan Sungai Mati, Muar. Kalau boleh, buat-lah satu jambatan yang boleh lalu motokar yang kecil pun jadi, kerana kalau ada jalan yang serupa ini menguntongkan ahli² perniagaan yang lalu-lalang dari Segamat ka-Muar, dari Segamat ka-Melaka dan saya rasa tentu-lah pehak yang menggunakan jambatan ini nanti ta' keberatan membayar duit toll.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, pada muka 610 Kepala-kecil 13—Penyelenggara dan Pengendalian Bekalan Ayer. Saya suka-lah merayu kepada Yang Berhormat Menteri, di-Chinchin telah di-buat bekalan ayer telah pun di-luluskan dalam Dewan ini berjuta² ringgit dan paip² ayer telah di-pasang sa-hingga ka-Sungai Rambai untuk bekalan ayer penduduk² Jasin tetapi sa-hingga ini belum lagi penduduk² dalam kawasan Jasin dapat bekalan ayer yang di-buat oleh Kerajaan yang bertempat di-Chinchin itu. Saya ber-

harap menjelang pilehan raya ini supaya bekalan ayer itu dapat di-beri kepada penduduk² terutama sa-kali di-luar bandar yang hendakkan ayer yang berseh lebeh² lagi, Tuan Pengerusi, pada masa ini musim kemarau sudah hendak mula-lah—ayer hendak jadi susu. Jadi saya merayu-lah kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat di-adakan bekalan ayer ini sa-belum menjelang pilehan raya. Terima kaseh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya turut berchakap sedikit di-bawah Bekalan 69 muka surat 603 ia-itu di-bawah sewa tol atau pun bayaran jambatan².

Tuan Pengerusi, bukan baharu² ini sahaja kita dengar suara² yang meminta supaya bayaran itu di-turunkan tetapi, kalau tidak salah saya, hampir² satu tahun dahulu ia-itu di-Muar dan begitu juga di-Batu Pahat dan termasuk-lah Slim River ia-itu jalan daripada Tanjung Malim hendak pergi ka-Ipoh kena duit juga, saya takut besok² hendak berjalan atas bumi pun kena duit juga.

Ini, Tuan Pengerusi, saya bukan maksudkan tidak mahu mengutip, itu pun satu chara progressive tax yang kita buat, tetapi jangan mahal sangat—50 sen bagi jalan, \$1.50 bagi motor car di-Muar bagi lori yang tidak berisi \$2.50 dan yang berisi \$3.50, jambatannya tidak begitu panjang dan kita buat pun dengan berhutang dan hutang itu pun bukan kita bayar sendiri kita kutip daripada ra'ayat. Saya suka-lah Yang Berhormat Menteri ini pergi ka-Kelantan sendiri pergi tengok Jambatan Kelantan berapa panjang dan berapa tol yang kita ambil—murah. Jadi patut-lah dalam masaalah jambatan ini Yang Berhormat Menteri kita belajar-lah sama pada orang lain.

Dan yang kedua saya, walau pun saya ada benda yang saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri ini, tetapi ada benda juga yang saya bersetuju ia-itu jalan² yang di-buat kita terpaksa juga terima kaseh benda itu yang betul, kalau kita tidak mahu terima kaseh pun siapa lalu pun nampak jalan itu.

Tun V. T. Sambanthan: Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi, boleh-kah saya

tahu berapa banyak jambatan Kerajaan PMIP ada buat di-Kelantan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, masaalah ini bukan masaalah banyak atau pun sedikit, masaalah panjang dengan sedikit atau banyak bayaran. Di-negeri² lain yang di-perintah oleh Perikatan pendek tetapi mahal tetapi di-Kelantan panjang bayaran-nya murah (*Ketawa*).

Berkenaan dengan jalan, Tuan Pengerusi, saya dapati ada jalan Federal Road yang maseh banyak lagi yang dahulu-nya di-janji oleh Menteri ini untuk di-baiki terutama jalan di-Trengganu dan di-Pahang. Saya tidak hendak berchakap mewakili Trengganu, Pahang atau pun Kelantan, saya berchakap di-atas masaalah jalan itu sendiri dan terkadang² jalan itu apabila rosak satu minggu pun tidak di-baiki dan lubang-nya kalau jatuh tayar motor car di-situ boleh accident dan boleh mati dan kalau tidak silap saya driver atau pun tuan punya motor car itu mengikut undang² boleh saman Kementerian ini dalam Mahkamah, tuntutan bayaran. Itu yang setakat saya tahu. Jadi kita dua rugi, Kerajaan membayar duit sa-kali dan orang yang mati sa-kali, lesen motor car dia kurang, jadi banyak yang kita tidak dapat.

Ada pun hendak kata PAS ini tidak mahu jalan, itu tidak menasabah, barangkali Menteri ini pun tidak mahu terima. Siapa pula hendak makan jalan, Tuan Pengerusi, saya tidak pernah campaign. Yang tidak mahu jalan ini—berok sahaja yang tidak mahu, manusia mana pun mahu. Berok tidak kira, Tuan Pengerusi. Zaman dahulu ada pantun—

Lompat berok lompat,

Lompat seberang sana,

Chepat berok chepat;

Dudok di-sini pun tidak berguna.

Itu berok punya kerja yang tidak mahu (*Ketawa*). Jadi tidak menasabah-lah, Tuan Pengerusi, dunia mana saya berjalan, sa-paroh dunia, tidak ada orang yang tidak mahu kapada jalan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pos. Saya maseh ingat

sa-belum merdeka ia-itu kita ada satu system, sampai sekarang pun ada, tetapi tidak berjalan. Yang saya tahu ia-itu kalau kita hendak mengirim surat banyak² yang surat itu average berat-nya, boleh kita katakan sama, kita tidak mustahak lagi hendak meletakkan stamp di-situ—arti-nya kita bawa satu guni, satu tempat, kemudian kita bilang berapa banyak dan kita beri kapada Post Master atau pun wakil-nya dan Post Master memberi receipt kapada kita jumlah itu maka di-choplah di-atas itu. Saya rasa itu pun satu system yang baik tetapi di-Kelantan dan Trengganu tidak berjalan. Sebab saya pada satu hari itu saya bawa kira² 300 surat hendak pos, kata-nya dahulu ada berjalan, sekarang tidak berjalan. Saya tanya mengapa—dia kenal saya—dia kata tidak payah tanya saya-lah, tuan selalu pergi ka-Parlimen. Jadi terpaksa-lah saya kena tanya Yang Berhormat Menteri ini.

Lagi satu, saya terpaksa mengadu kapada Menteri ini ia-itu sampol surat yang di-beri kapada Member of Parliament—saya tidak hendak berchakap orang hendak guna untuk parti. Ini saya tidak sampai kurang ajar macham itu, Tuan Pengerusi, hendak gunakan benda² untuk parti, orang tidak sopan sahaja gunakan itu. Kita menghantar barangkali ada kapada sa-orang kawan, masaalah kena-mengena dengan masaalah hendak di-bawa dalam Parlimen itu ada, ada pun hendak chap circular hendak hantar kapada orang² pakai nama parti, kemudian buat pula orang kita buboh di-sini buboh chap parti—itu saya rasa negeri² yang tidak civilised sahaja membuat kerja yang sa-macham itu.

Yang saya hendak berchakap ini bagini. Rupa²-nya baharu saya tahu dua tiga kali, Tuan Pengerusi, saya kirim surat sampai kapada Setia-usaha Parlimen, surat itu di-kira terakhir, di-kira lewat sampai. Banyak soalan² yang saya kirim lewat di-hantar balek. Jadi apabila saya kira hari, saya dapati betul hari *target* yang saya buat itu. Rupa²-nya dia tidak kirim dengan pos biasa, di-kirim dengan keretapi. Jadi yang ada stamp dia kirim dengan kapal terbang, yang tidak ada stamp di-kirim dengan

keretapi, sedangkan keretapi pula yang pergi ka-negeri Kelantan itu hari Sabtu, hari Khamis, hari Isnin—3 hari seminggu dan 3 hari ini time pula, kalau dia berjalan pukul 10 kalau kita pos pukul 11 dia kena tunggu 3 hari pula lagi.

Sa-lain daripada itu, keretapi yang pergi ka-Kelantan itu pula, masha Allah, lebih daripada keretapi sa-belum ada sejarah dalam dunia dahulu,—dengan burok-nya, dengan tidak ada ayer-nya,—tidak padan-lah dengan Menteri yang lawa ini—keretapi itu yang hodoh. Saya minta-lah surat yang pakai Member of Parliament itu di-pandang sama dengan ada setem sebab terkadang² ada surat yang berkehendakkan Undang², ia-itu kata-nya, jawapan ini mesti sampai pada sekian haribulan, jika tidak, kita bersalah, termasuk *involve legal action*,—*involve* di-situ. Jadi, kalau kita memahami surat itu, di-pakai sa-bagaimana setem, maka susah-lah kita dalam perkara ini. Ini, saya mintalah Yang Berhormat Menteri kita, tolong tengok kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu di-takdirkan Tuhan, ada lagi tahun depan dalam Dewan ini.

Ada pun berkenaan dengan B. 72, ia-itu Supply 72, Bekalan 72, berkenaan dengan Talipon. Saya hendak berchakap pun, masaalah ini kena pada diri saya sendiri; tidak hendak berchakap pun, ini satu perkara boleh jadi kena pada orang lain pula, ia-itu saya minta talipon dan di-beri dengan chepat: saya terima kaseh, tetapi talipon itu, kalau tidak silap saya, di-istilahkan sa-bagai *party line*. Ada ma'ana-nya, saya pun tidak faham, ia-itu satu line, pakai dua orang, tidak apa-lah—ada socialism di-situ, tetapi yang menjadi masaalah-nya, Tuan Pengerusi, bila orang panggil saya, kawan itu angkat, dia tolong jawab, dia ingat dia, dia jawab. Jadi hendak panggil orang lain, berjumpa dengan orang lain, terkadang² saya hendak berchakap, dia pun angkat, bertemu dengan dia. Dia kata, “Saya tidak panggil tuan.” Saya kata, “Saya pun tidak panggil tuan. Siapa yang menyebabkan kita bertemu?” “Tuan Sam-banthan”, dia kata. (*Ketawa*). Jadi ini

berlaku pada talipon saya dan talipon sa-orang Ahli Yang Berhormat lain. Kemudian daripada itu pula bila kita hendak minta sa-suatu nombor, oleh kerana dia satu, party line itu satu, tidak dapat pula. Operator itu tidak tahu. Dia kata, “line ini ia-lah party line dan saya tidak tahu *how to operate it*.” Jadi ini menjadi satu masaalah, Tuan Pengerusi, bagi orang² yang pakai talipon. Sa-lain daripada lambat-nya hendak dapat, sa-kali² meminta, bila dia kata, “Saya panggil balek”, tunggu sa-tengah jam, dia tidak panggil balek. Ini saya minta-lah supaya di-percepatkan.

Yang akhir-nya sa-kali berkenaan dengan Pos yang Berjalan, ia-itu yang pergi ka-kampong²; mustahak sangat kita ada motokar masok, mithal-nya, Tuan Pengerusi, kalau orang kampung, dia hendak pos satu surat, dia kena mari tiga batu, empat batu, dia pergi ka-Post Office, hendak beli setem 15 sen, hendak letak, hendak pos. Jadi berapa time dia dari segi ekonomi, dari segi kekuatan² *to produce*, rugi bagi masyarakat kita, tetapi kalau kita boleh ada satu, tiap² satu district, ia-itu satu kawasan, satu motokar yang *round*, pergi ka-jalan² yang motokar boleh masok, mudah sahaja di-buboh setem di-situ dan di-chop. Itu lagi lebih berguna kepada ra'ayat dan lebih menguntungkan dan satu sistem baharu bagi menyampaikan surat di-dalam negeri² kita ini. Habis, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas dua tiga perkara untuk memberi pengetahuan kepada Yang Berhormat Menteri. Satu, berkenaan dengan tender² kontrak membuat beana². Saya hendak memberi pengetahuan kepada Menteri ia-itu saya dapati ada kegelisahan saya sendiri berkenaan dengan kerja tender² ini. Satu² projek—saya bagi satu *example*, contoh, ia-itu seperti Sekolah Kampong Awah, Sekolah Kebangsaan. Masa sekolah ini di-minta oleh orang kampung ia-itu satu sekolah baru. Perkara ini telah di-rujukkan kepada Kementerian Pelajaran dan dapat jawapan; perkara ini telah di-ranchangkan dan di-adakan wang-nya. Lepas itu

saya bertanya kepada J.K.R. atau pun Jurutera Daerah, mengatakan pelan² ini sudah siap dan, perkara ini telah di-tenderkan dan saya mula-lah berchakap kepada orang kampung dan sekarang projek ini sudah di-jalankan, semua sudah siap, tender sudah siap, tender sudah di-tutup. Dan saya berjanji-lah kepada orang kampung mengikut tarikh tender, dalam 60 hari, kita boleh tahu-lah siapa² yang akan membuat kerja ini, tetapi sa-telah habis tempoh 60 hari, maseh lagi orang kampung tertanya² kepada saya, di-mana sekolah ini. Terpaksa pula saya bertanya balek kepada Jurutera. Kata dia, perkara ini tidak dapat jawab lagi daripada Kuala Lumpur kerana tender² ini mesti-lah di-putuskan oleh Jema'ah Tender-nya di-Kuala Lumpur. Dua bulan kemudian, saya di-beritahu ia-itu kerana kelambatan, tender itu di-tender balek sa-mula. Sudah mengambil masa lagi—dua bulan. Jadi saya terpaksa juga pergi ka-kampung mententeramkan fikiran orang kampung, menerangkan sebab² kelambatan dan saya memberi-lah, alasan² bagaimana yang di-terangkan oleh J.K.R. ini dan sampai sekarang pun maseh lagi sudah empat bulan belum lagi dapat keputusan² muktamad berkenaan hal membuat sekolah ini. Jadi saya merasa runsing kerana sa-kali dua, tiga, boleh-lah saya mententeramkan fikiran² orang kampung, tetapi sudah besok, saya di-katakan sa-orang ahli pembohong oleh orang² kampung. Jadi saya berharap sistem² tender yang ini dapat di-perbaiki. Bukan ini satu sahaja, tetapi banyak lagi yang lain², tetapi ini satu contoh yang saya beri. Jadi, kalau chara macham ini, kita rugi, terutama ia-lah bagi orang kampung yang sentiasa mendesak, sentiasa memberi sebab yang sekolah-nya kecil, sekolah-nya burok dan berharap² sangat mendapatkan binaan² ini. Jadi saya harap-lah dapat di-chari satu jalan supaya jangan ada masaalah² untuk di-re-tender atau pun tender balek sa-mula, sampai dua kali, tiga kali.

Yang kedua, ia-lah berkenaan dengan B. 70 ia-itu, Pechahan-kepala 12, berkenaan dengan Pembinaan² atau pun Pembelaan² Jalan. Saya suka hendak

mendapat kerjasama daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimana sa-tahun dua dahulu juga Yang Berhormat Menteri telah berjanji dengan saya, jalan-nya daripada Temerloh sampai ka-Triang, sampai ka-boundary Kemayan, dapat di-perbaiki dengan sa-chepat mungkin, tetapi saya berasa mushkil kerana jalan ini tidak dapat chepat, di-buat sunggoh pun ada di-buat, bukan tidak ada, saya kata, tetapi sangat lambat. Boleh kata, saya rasa, tahun 1968 ini, chuma ada dua batu sahaja yang di-buat, ia-itu di-daerah Triang, jalan ini sangat² burok sekarang. Jadi saya berharap dapat Yang Amat Berhormat Menteri sendiri melawat dan boleh lihat sendiri keadaan jalan itu dan ini saya berharap sangat-lah atas desakan² daripada pengguna² jalan di-daerah itu.

Lagi satu ia-lah berkenaan dengan Perkhidmatan Pos di-Kampung Kemayan, di-Kampung Mengkuang, di-Kampung Kerayong; sunggoh pun ada sekarang perkhidmatan pos di-Triang, tetapi orang² di-daerah² ini berapa sangat kekurangan perkhidmatan ini kerana postman yang menjalan perkhidmatan itu sa-orang sahaja. Jadi kalau dapat, bagaimana ikhtiar supaya pemberian, penyampaian surat² ini dapat selalu di-adakan. Ada-kah dengan chara menambahkan pegawai atau pun dengan chara lain, ia-itu saya pulangkan pada kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri.

Satu lagi berkenaan dengan bil² tuntutan talipon persendirian. Bil² ini, saya harap, supaya jika bil² ini di-tutup account-nya pada tengah² bulan, sa-patut-nya dalam masa dua minggu bil² itu patut tiba-lah pada orang yang menggunakan talipon saperti saya. Jadi senang kita dapat menguruskan supaya di-bayar bil² ini. Kalau bil² ini lambat datang umpamanya kalau bil bagi bulan sa-belas tahun sudah kalau sampai bulan satu tahun ini dengan di-tampilkan satu notis kalau tak bayar dalam tempoh sa-kian masa talipon tuan akan di-potong. Jadi ini mengganggu fikiran sunggoh pun saya perchaya Jabatan Talikom tidak hendak memotong talipon² yang di-gunakan oleh Ahli² Yang Berhormat tetapi ini mengganggu fikiran pengguna² talipon ini.

Penyudah sekali, Tuan Pengerusi, ada-lah ucapan dari Wakil Batu, rasa saya, tak patut juga kita biarkan begitu kerana ada sedikit sa-banyak pertolongan² Kerajaan hendak memberi peluang kepada bumiputera mengambil bahagian chergas dalam segi perusahaan memborong ini. Jadi sungguh pun peratoran² yang di-tegor tadi mendapat tentangan yang hebat daripada surat yang di-cheritakan tadi tetapi suka saya memberi pandangan, Tuan Pengerusi, semenjak galakan² yang di-beri oleh Kerajaan kepada orang Melayu mengambil bahagian chergas dalam borongan ini maka tidak dapat kesan yang baik daripada satu kaedah kepada satu kaedah. Pada masa dahulu di-beri peluang² kelonggaran² kepada bumiputera mengambil bahagian tetapi tidak mendapat hasil yang baik, sebab chontoh-nya, Tuan Pengerusi, dalam negeri Pahang sahaja, saya katakan kita ada bumiputera yang berada lebeh kurang 240 orang bumiputera yang mendapat kelas F sahaja. Tetapi sampai pada masa ini chuma tinggal dalam lebeh kurang 26 orang sahaja lagi. Ini akibat-nya ia-lah sunggoh pun pada masa dua tiga tahun dahulu Kerajaan memberi bermacam² chara ia-itu di-longgarkan, memberi galakan supaya dapat chergas bumiputera mengambil bahagian dalam menjalankan kerja² borongan ini tetapi dengan pemberian² itu tidak berkesan oleh sebab pintar-nya atau pun kechergasan orang² lain yang menyebabkan orang bumiputera tak dapat juga bersaing dalam kerja borongan ini. Baharu ini, ini-lah satu chara di-fikirkan supaya bumiputera dapat peluang betul² mengambil bahagian chergas ia-itu supaya kelas² yang rendah ini di-berikan terus peluang kepada bumiputera dan satu masa besok bumiputera sudah pandai chukup, maka di-buka balek kepada semua orang mengambil bahagian. Saya rasa ini satu perchubaaan sahaja dan jika dalam perchubaaan ini dapat berjaya saya perchaya kita tidak akan kekalkan yang bumiputera sahaja yang boleh masok menjadi borongan kelas F sahaja, tetapi ini perchubaaan memberi peluang supaya dapat bumiputera bertapak masok dalam kerja

borongan ini. Ini chuma, rasa saya ganjil, tidak patut sangat-lah mendapat tentangan daripada wakil dari Batu itu terhadap mengapa-kah sedikit peluang² yang di-berikan kepada bumiputera mengambil bahagian chergas dalam kerja borongan ini dan galakan² bagi mereka yang sudah mahir, rasa saya, pada yang bukan bumiputera memang-lah sudah banyak sekarang, mereka boleh bergabung, mereka boleh mengambil kelas² tinggi. Saya tahu sekarang banyak yang bukan bumiputera dengan kelas F ka-atas—ini banyak. Tidak-lah rasa saya menjadi gusar, susah hati yang mereka itu tidak mendapat kerja dalam borongan kerja F ini. Jadi, rasa saya, saya perchaya Kerajaan tidak akan menerima tentangan² yang di-datangkan oleh Wakil dari Batu tadi.

Saya penyudah-nya sekali lagi menerima kaseh sangat pada Kementerian ini menghantar pegawai² J.K.R. ka-daerah saya, pegawai yang sangat chekap dan semenjak pegawai ini ada di-sana, saya menengok perjalanan² yang di-jalankan untok benaan² sangat² lebeh pesat daripada masa² yang lampau dan lebeh jujur. Jadi ini, rasa saya, saya mengambil peluang-lah meminta kepada Kementerian ini menghantarkan pegawai saperti ini yang begitu baik ka-tempat saya dengan mendapat kejayaan penoh tetapi yang kesusahan untok pegawai ini menjalankan ia-lah sebab kelambatan projek² itu patut di-putuskan oleh Lembaga pemutus tender² itu.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, the Honourable Member for Bachok mentioned just now that he has travelled round the world, or half way round the world, but I think he must have been seeing the world with only one eye, for, if he had really seen the world, he should be able to compliment this Ministry, because we can very confidently say, without any contradiction, that the roads of Malaya are easily the best in the world and this Ministry is responsible not for a small stretch but for almost 9,600 miles of road.

In my constituency I am happy to say that most of the bad bends leading from Seremban to Port Dickson and along the coast have been straightened out. Two bad bends still remain and I am sure that in due course they will be attended to. The minor roads required by the kampong people have all been attended to. Two small stretches remain and that is a very minor affair compared to the work that has been done.

In the way of postal services, Sir, I wish to thank the Minister for approving a new Post Office in Port Dickson for which I had requested last year.

There is only one minor thing, Sir, in the way of telecommunications. Port Dickson is developing very fast with two refineries and one of our biggest power stations coming up there, and with the new lines for bungalows and private houses, telephones are in great demand and I have been told by several of my constituents that often there is a delay—but that is only a minor complaint. Otherwise, Sir, we are happy to say that this Ministry is serving the public and the country very well and its efficiency can be compared not only with Asian countries but with the countries in Europe. Thank you, Sir.

Tuan Mohamed Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, saya ingin menarek perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan soal bangunan² yang di-dirikan tetapi tidak tahan lama.

Tuan Pengerusi, saya yakin dan percaya bahawa bangunan baharu yang di-dirikan ini tidak tahan lama ia-lah boleh jadi kerana kawalan atau pun jagaan² tidak chukup di-waktu bangunan itu sedang di-bena.

Tuan Pengerusi, saya dapat menjokkan satu contoh bahawa di-kawasan saya di-Kampung Raja ada sa-buah masjid baru yang di-dirikan tidak sempat dua tahun masjid itu di-gunakan, maka bumbong-nya telah rosak sa-hinggakan apakah di-pereksa di-dapati bahawa bumbong masjid ini tidak dapat di-baiki lagi, mahu tidak mahu, terpaksa di-runto-

kan semua sekali bumbong-nya itu dan terpaksa Kerajaan membelanjakan wang sa-banyak \$17 ribu. \$17 ribu, Tuan Pengerusi, boleh jadi pehak Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom merasa bahawa ini ada-lah satu perbelanjaan yang kechil tetapi kalau kita fahamkan bagaimana pernah Menteri Tak Berjabatan mengatakan dalam Dewan ini bahawa nelayan maseh ada yang berpendapatan \$50 sa-bulan. Jadi kalau kita kira \$17 ribu di-bagi dengan \$50 arti-nya saya fahamkan boleh di-belanjakan untuk 35,000 nelayan.

Jadi kalau kechuaian yang samacham ini terus berlaku, saya yakin dan percaya bahawa usaha Kerajaan dan Kementerian Kewangan untuk menjimatkan belanja di-negeri ini tidak berhasil. Jadi saya berharap-lah kapada Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom pada masa hadapan ini mengambil perhatian yang bersungguh² supaya perkara yang saperti ini tidak berlaku lagi.

Tuan Pengerusi, kalau perkara ini sa-buah sahaja berlaku saya rasa tidak-lah berat sangat saya hendak berchakap di-dalam Dewan ini sebab mungkin pehak Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom akan mengatakan bahawa ini ada-lah sa-suatu yang tidak di-sedari berlaku bagitu. Tetapi berikutan dengan itu, Tuan Pengerusi, saya dapat faham ada lagi sa-buah masjid pula di-Kampung Buloh di-Besut di-kawasan saya juga dan masjid itu pun konon-nya mula bochor dan pembenaan-nya saya rasa belum sampai sa-tahun. Jadi ini-lah yang saya menarek perhatian Dewan ini.

Tuan Pengerusi, saya beralah pula kapada soal Jambatan Jerteh dan saya pernah berchakap di-dalam Dewan ini berhubung dengan Jambatan Jerteh ini sa-buah jambatan yang di-bena dengan gopoh gapah kerana dekat dengan pilehanraya. Dan di-potong-nya tebing yang tinggi itu juga rendah konon-nya kata engineer di-waktu itu di-rendahkan itu padan-lah dengan tempat² lain rendah erti-nya kalau di-tempat lain tidak boleh berjalan maka jambatan itu tenggelam

tetapi sekarang ini saya lihat bahawa usaha untuk meninggikan jalan daripada Kuala Lumpur ka-Pantai Timor atau pun seterusnya ka-Kota Bharu sedang di-jalankan dan di-dapati-lah di-sa'at yang akhir ini, Tuan Pengerusi, di-tempat lain tidak tenggelam boleh berjalan daripada Kuala Lumpur ka-Jerteh, tetapi apakala sampai ka-sana jambatan itu telah tenggelam, bagitu juga dari Kota Bharu ka-Jerteh dapat berjalan dan bila sampai ka-Jerteh itu jambatan itu sudah tenggelam terpaksa kadang² berpuluh², beratus² buah motorkar terpaksa berhenti dan tinggal di-situ. Kalau orang dari Kota Bharu yang bekerja di-Kuala Lumpur ini terpaksa tinggalkan kereta-nya di-situ menyeberang dengan perahu dan menaiki kereta lain balek ka-Kuala Lumpur. Bagitu juga kalau pegawai Kerajaan yang berchuti dan orang² itu tinggal di-Kelantan maka dia terpaksa tinggalkan motokar-nya di-Jerteh dan menaiki perahu menyeberang ka-seberang sana dan menyewa motor² balek ka-rumah atau pun kakampong-nya. Jadi ini-lah yang berlaku, Tuan Pengerusi, dan saya harap-lah supaya jambatan ini difikirkan dan di-tinggikan supaya tidak lagi di-tempat lain boleh berjalan tetapi terhenti-nya atau pun terpaksa berhenti di-Jambatan Jerteh itu.

Tuan Rafael Ancheta (Sabah): Tuan Pengerusi, saya bangun menguchapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom kerana mendapatkan kejayaan² di-Sabah. Kejayaan yang di-bawah Kementerian ini kalau di-bandingkan masa dahulu dengan sekarang jauh beza-nya kerana pada masa ini banyak sudah kemajuan² yang telah di-jalankan di-bawah Kementerian berkenaan itu. Satu perkara yang saya hendak sebutkan di-sini pertama ia-lah kerja raya di-Sabah kerja raya sudah banyak hubungan kerja raya telah di-jalankan oleh Kerajaan di-bawah Kementerian ini, dan di-mana² kampong pun sudah ada hubungan jalan raya. Di-antara Kota Kinabalu dan Sandakan sedang di-bena jalan raya, juga dari Tawau, Semporna dan Kunak sudah ada jalan raya di-buatkan oleh Kerajaan, chuma saya meminta dan mengusulkan kepada

Menteri ini jalan raya di-antara Lahad Datu dan Sandakan belum ada lagi dan saya harap Menteri yang berkenaan dapat-lah membuatkan jalan raya di-antara Lahad Datu dan Sandakan.

Berkeanaan dengan bekalan ayer di-Sabah dan di-mana² tempat sudah ada bekalan ayer di-buatkan oleh Kerajaan chuma satu tempat yang belum ada lagi di-jalankan oleh Kerajaan ia-itu di-Semporna. Semporna ayer-nya pun maseh masin dan pelan-chong² selalu mengatakan ayer Semporna rasa sangat masin. Jadi saya harap Menteri berkenaan ini dapat menjalankan supaya bekalan ayer di-Semporna di-buatkan oleh Kerajaan.

Satu perkara lagi berkenaan dengan Talipon di-bawah kepala B. 72. Semenjak negeri Sabah masuk dalam Malaysia, Talipon sudah banyak di-mana² tempat di-Sabah, Talipon sudah dapat di-jalankan oleh Kerajaan dan pada masa ini banyak lagi bertimbon² permohonan² daripada public, jadi di-harap Menteri yang berkenaan ini dapat menunaikan permohonan² yang belum lagi dapat talipon jelaskan permohonan. Sekian sahaja.

Tun V. T. Sambanthan (dengan izin): Mr Chairman, Sir, the Member for Batu mentioned certain matters relating to contractors and the Treasury Circular which, he said, stated that works of \$10,000 and less are to be given to Malay contractors; works up to \$25,000, these would have an edge of 5% to Malay contractors, and works of \$25,000 to \$50,000 there would be a privilege of 2½% to Malay contractors. The Member has asked a question on this matter under Oral Questions but, unfortunately, he did not turn up on the particular day. So, I could not give him the answer then, but I would certainly have told him that what he says is not true. All works below \$10,000 are certainly not given only to Malay contractors. Indents are given to Malay contractors because we want to help them out on urgent work but wherever possible we ask for tenders or quotations, and I have

found that a fair amount of job is made available to Malay contractors as well as to non-Malay contractors. Recently, Sir, following this up, I undertook an exercise in my Ministry with regard to Federal works and we chose a given period of a few months in the last year—in 1968. Since men like the Member for Batu charge all the time that the Malays are hiding under preferences given to contractors, I wanted to check up the truth of this statement. So, I undertook this exercise and I was agreeably pleased to note that, during this particular period for a few months in 1968 that I undertook to study this matter, Malay contractors won by merit not by preference, jobs of up to \$5 million while, by the exercise of this special preference of 2½%, they got only a few hundred thousand dollars worth of jobs, which means that Malay contractors are now getting competitive, that they can stand on their own feet, that where they have a chance to be trained and to train themselves, then they can stand alongside other contractors; they can tender for jobs and they can get these jobs on merit. So, let not the Member for Batu say all the time that Malay contractors get jobs because every time they have got this preference—it is not so. At the same time, let him not make the implication that, if a Malay contractor gets a job, the Chinese or none of the other races get work, because Malay contractors also employ Chinese carpenters and others. Even Chinese contractors nowadays are increasingly using as far as possible non-Chinese also on their establishment. So, I hope he does not play up this race issue too much; it does not help anyone and, if anything, it only hurts the country.

From there, he went on with an air of sweet innocence, of out-raged innocence, that he had wanted to send out as a Member of this Parliament letters and that he had the privilege of a Member of this Honourable House and that this privilege had been written into the Constitution; further he went on to say that, except for one occasion, when a party matter had been sent inadvertently, nothing

else had been sent and that the Postal Department was going against him. However, Sir, I have been able to obtain from the Postal Department material which he has sent through the Postal Services under the franking privileges of the Parliament, and this is one of the matters relating to Parliament that he sends (holds up a paper). Now, Mr Chairman, Sir, if he thinks he can send these magazines through the Postal Services as a Member of Parliament and expects you or anybody to safeguard the right to send these magazines, I do not know where then fair-play lies. If we of the Alliance wanted to, we could send tens of thousands of UMNO, MCA, MIC or any other party literature through the post under the same guise, but we do not do it. Unfortunately, the Honourable Member simply because he makes a noise, thinks he can get away with it, possibly knowing, as he does, the manner in which he has been misusing the Postal Services, the privilege given to him these years. Fortunately, the Member for Kuala Trengganu Utara brought this matter out and exposed it in this House, otherwise, the Postal people would not even have looked into the mails which bore the stamp of “Dr Tan Chee Khoon, Wakil Ra’ayat Parlimen (Batu), Negeri Selangor”, and so on and so forth. We would not have touched it, but having been told that he is abusing the privilege, we have to look in, and this is what we find. (Holds up a paper). This is supposed to be a bulletin printed under the “Party Gerakan” in which he puts in some of his speeches and he says, “You, the Postal Department shall deliver it free on my behalf as well as this, the Gerakan list”—and he has been using it. I suppose, insidiously and surreptitiously and for how long God only knows; but now in an air of outraged innocence, he has charged in this House that the Postal Department and everybody associated with it, including myself, have no right to stop his mail. We do not want to stop his mail, but I certainly assure him that every time anything like this goes on, there will be a “T” mark on it and that mail is going to be taxed.

He quoted about the Menteri Besar or somebody else using it, but then two wrongs do not make a right.

Sir, with regard to the matter of Rumah Tol, Muar, raised by the Member for Muar Pantai, we know how he himself begged in this House, entreated, requested, and cajoled, asking for a bridge at Muar and how everybody said "Let there be a toll, let it be any toll, let it be the same as the ferry rates of last time, the bridge will be so useful. Now, we have to wait half a day to cross the Muar River, sometimes it is three-quarters of a day. What do we do, please?" So we got some money—fortunately in this case an American Bank lent some money—and we built the bridge. Initially we levied a rate which was slightly better than the rate which they had originally to pay for the ferry service; and we said that the cyclists and the pedestrians should be free—before that they were all charged: motor-cycles were charged a dollar, cycles 10 cents, foot-passengers 10 cents, and so on and so forth. Then when we constructed our bridge, we said, "No, we shall let the cyclists, and the foot passengers go free and we shall levy a certain rate for the motor cars and for the lorries and others". Now that they saw this full concrete bridge completed, and they know we cannot pull it down they said, "Reduce the toll rate". We reduced the toll rate, we reduced it in Muar, and we gave a reasonable rate, Mr Chairman, as you will agree, at Batu Pahat, and so it went on. Sir, I think that there is very little complaint from the people of Muar or Batu Pahat. We have got special season tickets for those who want to use this, and for those, who use season tickets, the rate is very, very low indeed. So, we have tried our best to help. I would like to assure the Honourable Member, however, that, as time progresses, we will subject this toll rate to review. Naturally, if a lot of money comes in, nobody wants to penalise the people who use the bridge, but let us also remember that the traffic on our Federal roads is increasing by leaps and bounds, and while the Member for Bachok,

having built one bridge at Kota Bharu, does not remember that—compared to his one bridge, we have built over half a dozen bridges to connect it to the Kota Bharu area—where it took him one day to go to Kota Bharu in those days, now it takes only a few hours. While he can speak about bridges and tolls, he should realise that it is an international practice now to levy tolls on roads and bridges; but we will have to levy a low rate and maybe in the years to come, we will reduce the rates on Muar and Batu Pahat bridges that much I can say. But reducing or increasing the rate is not within the Ministry of Works. That is something for the Treasury, and I will have to make love to my friend, the Minister of Finance, and maybe he can join in making love to him, get round him after the Election and tell him, "For a whole year we have paid so much, maybe next year we can reduce." But, then, who knows, we may be able to reduce, but I cannot give an assurance right now. All I can say is that the Minister of Finance has been very helpful and accommodating. Last time when Muar people wanted the rate to be reduced, he agreed with me that a reduction should be given, and we have given the reduction. Now, having just got the reduction, let them digest it first of all, let it go into the blood-stream; later on, maybe after a year or so, he can take up the issue, but that is left to the ability of the Honourable Member.

I would like to thank the Member for Hilir Perak for his congratulations, and I will certainly take note of his request for a telephone kiosk dan lain².

As regards the Member for Kulim Bandar Bharu, he wants *wanita* all the time—postman *wanita*. (*Laughter*). Sebab apa dia mahu postman wanita, saya pun tidak faham sampai sekarang. But *wanita* can be dangerous, Sir, because they have got to carry a lot of baggage. Sometimes, you know what happens, when a pretty girl is a post-woman; a few boys will be interested, and then you find the

particular address getting more and more letters, the same fellow posting letters to himself, so that the girl can come and deliver them. Sometimes registered letters go to the same address; so, the poor girl may end up somewhere—God only knows. (*Laughter*) Sir, it is a good suggestion, but I do not think we can do anything about it just now.

Berkenaan dengan Ahli dari Melaka Selatan, jambatan ini ada-lah di-dalam jalan Negeri.

Sir, with regard to water supply for Sungei Rambai and Merlimau, I am glad to say that it is now in an advanced stage of construction and should be completed in the many months ahead.

With regard to the request by the Member for Bachok for the termination of a party line and to give him a full line, he has already got the privilege in so far as it is a cheaper line, but if there are complications of the wrong man picking up the wrong call, we are now trying to provide new cables for that area, and when they are ready, the Honourable Member could be assured of a direct line and he can have all his confidential telephone calls made direct to him.

Sir, with regard to other requests by the Members for Temerloh, Besut, from Sabah and others, I will certainly bear in mind and try to push through as speedily as possible all the requests made by them. I would like to thank them for the good word they said about the work of this Ministry. As I said at the beginning, it has been my very great good fortune and honour that I have below me very good officers in all the Departments. And my Ministry, with

three very big Departments, is indeed one of the happiest of the Ministries in the country. I would like to say that whatever congratulations the Honourable Members have paid are certainly deserved by the officers of the Departments in my Ministry.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10,467,991 untuk Kepala B. 69, \$31,660,707 untuk Kepala B. 70, \$28,991,042 untuk Kepala B. 71, \$49,829,615 untuk Kepala B. 72 di-perintah menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Fasal 1 dan 2 di-perintah menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

PENANGGOHAN (USUL)

Tun V. T. Sambanthan (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I beg to move:

That notwithstanding the provisions of Standing Order 12 and notwithstanding the resolution passed by this House on 9th January, 1969, relating to Standing Order 12, this House shall now stand adjourned till 10 a.m. on Monday, 3rd February, 1969.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sir, I beg to second the Motion.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

That notwithstanding the provisions of Standing Order 12 and notwithstanding the resolution passed by this House on 9th January, 1969, relating to Standing Order 12, this House shall now stand adjourned till 10 a.m. on Monday, 3rd February, 1969.

Dewan di-tangguhkan pada pukul 6.00 petang.